

KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT MELAYU
YANG BERPENDAPATAN RENDAH DI PANTAI HALT?
WILAYAH PERSEKUTUAN

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh

No. Matrik 26357

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

1977

<u>Isi Kandungan.</u>	<u>Mukasurat</u>
Penghargaan	4
Sinopsis	5
Peta Kawasan-kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan	7
Latarbelakang dan sosio-ektiviti S/U UMNO	8
Bab I. Tajuk	
a) Pendahuluan	
i) Kenapa kajian ini mustahak dari segi Sosiologi dan Antropologi	11
ii) Bidang kajian dan batasannya	13
b) Penyelidikan	
i) Metode Kajian	14
ii) Kesulitan yang dihadapi	17
c) Masyarakat Melayu di Pantai Halt - satu tinjauan dari sudut geografi, sejarah dan sosio-ekonomi komuniti tersebut	18
BAB II. Bidang teori dan konsep	
i) Konsep Kepimpinan	30
ii) Kepimpinan dalam UMNO	35
iii) Kepimpinan dalam Pergerakan Belia 4 B	44
BAB III. Tadbiran dan Kepimpinan UMNO dan Pergerakan Belia 4 B	
i) Corak kepimpinan UMNO di Pantai Halt	49
a) Biro Setinggaan dan Masaalah UMUM	53
b) Biro Ugama	54
c) Biro Kebajikan Sosial dan Bantuan Kematian	54
d) Biro Penerangan	55
e) Biro Keselamatan	57

<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
f) Biro Syarikat Kerjasama Serbaguna	57
ii) Corak Kepimpinan Pergerakan Belia 4 B di Pantai Halt	58
a) Biro Sukan dan Kebudayaan	60
b) Biro Ugama	61
c) Biro Majlis Perhubungan Masyarakat	62
BAB IV. Rumusan	64
Lampiran I - Kira-kira Wang Khairat Kematian Bagi tahun 1976	
Lampiran II - Penyata Kira-kira Wang UMNO dari 1.1.76 hingga 31.12.76	
Lampiran III - Lagu Resmi Gerakan Belia 4 B	
Lampiran IV - Jawatankuasa Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Pantai Halt	
Lampiran V - Jawatankuasa Pergerakan Belia 4 B, Cawangan Pantai Halt	
Lampiran VI - Struktur Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Bahagian Damansara	
Bibliografi	
Questionnaire	
Gambar-gambar	

PENGHARGAAN

Disini saya ingin memberikan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada saudara Puan Azizah binti Kasim selaku Pensyarah dalam Jabatan Antropologi dan Sosiologi di Universiti Malaya diatas segala pengawasan, tunjukajar dan komen-komen yang membena yang beliau telah berikan hingakan kajian ini dapat disiapkan.

Setinggi-tinggi terima kasih juga ingin saya berikan kepada Cikgu Dahalan bin Haji Siraj, selaku Setia Usaha UMNO Cawangan Pantai Halt kerana telah bermurah hati memberi segala kerjasama dan penerangan-penerangan berkaitan dengan pertubuhan tersebut. Bagitu juga penghargaan saya kepada En. Zahari bin Abidin, selaku Ketua Pergerakan Belia 4 B Cawangan Pantai Halt; juga kepada segala AJK-AJK Pergerakan UMNO dan Pergerakan Belia 4 B diatas segala kerjasama dan layanan yang telah diberikan kepada saya.

Dan akhirnya setinggi-tinggi terima kasih ingin saya berikan kepada Datuk Empat Tatah bin Haji Samad, selaku Ketua Kampong dan penasihat Pergerakan UMNO kerana bermurah hati memberi segala butir-butir berkaitan dengan latar belakang dan sejarah kampong-kampong di Pantai Halt untuk kepentingan kajian ini.

SINOPSIS


Kajian ini berkisar kepada dua bentuk kepimpinan yang terdapat dikawasan Pantai Halt, Wilayah Persekutuan. Kedua-dua pertubuhan ini mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu dalam menghadapi segala cabaran hidup dikawasan tersebut. Justeru itu masing-masing pertubuhan mempunyai sifat-sifat yang tertentu yang bagitu ketara; satu yang bercorakkan politik dalam tema perjuangannya dan yang satu lagi menumpukan lebeh kepada pembangunan golongan remaja. Kedua-dua pertubuhan tersebut ialah Pergerakan UMNO dan Pergerakan Belia 4 B. Pergerakan UMNO merupakan satu pertubuhan yang lebeh tua usianya. Ia mula ditubuhkan dikawasan ini sejak Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, dan sejak dari tarikh tersebut membawa kehari ini pertubuhan-pertubuhan itu dipimpin oleh kumpulan kekeluargaan. Keadaan yang demikian yang telah mencetuskan pandangan yang tidak sihat terhadap organisasi tersebut dari sebilangan besar penduduk di Pantai Halt. Tetapi bagi pergerakan Belia 4 B sebaliknya ia memberi nadi dan nafas kepada sebahagian besar golongan remaja dan menjadi harapan ibu-bapa. Usianya baru empat tahun tetapi ia telah menunjukkan banyak kemajuan dalam segala rancangan-rancangan ektiviti sosialnya.

Kajian ini akan menghuraikan secara terperinci tentang kepimpinan kedua-kedua pertubuhan ini; juga tindaktanduk pucuk-pucuk pimpinan dalam menghadapi segala cabaran hidup dikawasan perbandaran. Kawasan ini merupakan satu-satunya kawasan yang belum bagitu maju jika

dibandingkan dengan kawasan-kawasan tanah perumahan disekelilingnya.


Sejauhmana peranan 4 B dan UMNO ini dapat memperjuangkan sesuatu untuk masyarakat di Pantai Halt maka sama-samalah kita mengikuti kajian ini selanjutnya.

University of Malaya

- 
- A hand-drawn map showing residential areas. A hatched area is located in the lower-left quadrant. A vertical road is labeled 'JALAN HANG'. A large area on the right is labeled 'TANAH BUKIT PANTAI'. Twelve numbered points are marked on the map, corresponding to the list below.
1. TANAH BUKIT PANTAI
 2. BUNGA
 3. LUCKY GARDEN
 4. BUNGA PAIR
 5. SAN BANGA
 6. MS. ABU BAKAR
 7. K9. PAYA
 8. TANAH SIPUT
 9. SUNGAI MANDAL
 10. PANTAI HALT
 11. MS. PANTAI HALT
 12. TANAH BELA

TANAH - TANAH PERUMAHAN

CENTRAL



SOUTH

1. TAMAN BUKIT PANTAI
2. BUNGAR
3. LUCKY GARDEN
4. BUNGAR PARK
5. BANDARAYA
6. KG ABDULLAH HUKUM
7. KG. PAYA
8. TAMAN SIPUTIH
9. GOODWOOD GARDEN
10. PANTAI HALT
11. KG. PANTAI DALAM
12. TAMAN DESA

TAMAN - TAMAN PERUMAHAN
DLM. WIL. PERSEKUTUAN.

Sepintasialu tentang latar belakang dan sosio-ektiviti Setia Usaha UMNO cawangan Pantai Halt, Wilayah Persekutuan.

Cikgu Dahalan berasal dari Klang, dan masa kini telah menetap tinggal di Kampong Kerjasama, Pantai Halt. Dalam tahun 1953 beliau telah mula menjadi Guru Pelatih, dan kursus ini mengambil masa selama 5 tahun; mungkin satu kursus yang di adakan pada masa cuti penggal persekolahan.

Dalam tahun 1960, Cikgu Dahalan mula menjejakkan kakinya buat kali pertama ke Pantai Halt. Beliau menetap tinggal di Kampong Kerjasama. Beliau pernah mendaftarkan diri sebagai ahli UMNO di kampong asalnya, tetapi pada masa itu beliau belum lagi aktif dalam pertubuhan tersebut.

Antara tahun-tahun 1960-62 beliau tidak menceburkan diri dalam UMNO di Pantai Halt. Hanya selepas tahun 1962 apabila beliau telah kahwin barulah beliau ada menunjukkan minat dalam pertubuhan tersebut. Ini mungkin di atas tarikan bapa mertuanya, yang kebetulannya adalah Setia Usaha UMNO pada masa itu. Maka dalam tahun 1963 beliau telah mendaftarkan diri sebagai ahli. Dalam tahun 1965 beliau di beri peluang untuk memegang jawatan sebagai Penolong Setia Usaha - mungkin sebagai satu ujian yang di lakukan oleh bapa mertuanya untuk menguji kesungguhannya dalam arina kepimpinan dalam pertubuhan tersebut. Ini mengambil masa selama 2 tahun. Dalam tahun 1967 jawatan Setia Usaha UMNO telah beralih tangan kepadanya. Mungkin jawatan ini memerlukan seorang yang muda dan aktif dalam lapangan sosial. Secara kebetulan bapa mertuanya telah ada menunjukkan tanda-tanda keudzuran. Jawatan ini di sandangnya hinggalah ke hari ini, iaitu tidak kurang 10 tahun

lamanya. Beliau masih lagi aktif.

Beliau bagitu minat dalam lapangan sosial selepas masa-masa bertugas di sekolah. Dan ini ternyata sekali dengan beberapa jawatan yang sedang di sandang dan tugas-tugas yang di selenggarakan. Antaranya adalah seperti berikut:

- i). Masjid Jamik, 1963, sebagai Pemereksa Kira2
Pantai Halt. 1965, sebagai Penolong S/Usaha.
1975, sebagai S/U Pemangku
1976 hingga sekarang, S/Usaha.
- ii). Majlis Perhubungan Masyarakat, Menjadi S/Usaha sejak Jawatan-
Pantai Halt. kuasa Kampong mula di bubarkan.
Ini berlaku apabila Pantai Halt di masukkan dalam kawasan Wilayah Persekutuan, pada 1.2.1977.
- iii). Syarikat Kerjasama Menjadi S/Usaha sejak Koperasi
Serbaguna, ini mula di tubuhkan pada tahun
Pantai Halt. 1970. Masa itu mempunyai ahli seramai 75 orang. Sekarang modalnya melebihi \$10,000; \$3,000/- di gunakan membeli saham.

KEPIMPINAN DALAM INSTANSI MELAKUKAN BERTANYA YANG BERHENDAPAN KENDAL
DI PANTAI HALT, MELAYAN PERSEKUTUAN.

iv). Majlis Perhubungan Jawatan S/Usaha telah mula

Masyarakat, di kawasan di pegang olehnya sejak awal

Kampong Kerinchi dan tahun 1977 ini.

Kampong Pantai Dalam.

Persekitaran

v). Persatuan Ibu-bapa dan Jawatan ini sebagai S/Usaha

Guru-guru, Sekolah mula di pegang olehnya sejak

Rendah Shah Alam, tahun 1975.

Petaling Jaya.

1). Kenapa kajian ini susutah dari segi sosiologi dan antropologi
Kajian ini untuk sahkan dengan secara mendalam mengenai persekitaran
pemimpin politik dalam UMNO dan Pergerakan Balis 4 B; kajian ini di-
sempatkan Pantai Halt, dan juga untuk menalasi t...-registar-kegiatan
dalam politik dan persatuan tersebut.

Ujia kerana UMNO merupakan parti politik yang mendukung tarjahan,
dan sebagai sebuah parti yang masih mengamalkan asas-asas demokrasi
maka merupakan parti UMNO ini sebagai peranan penting dalam
menentukan perkembangan negara Kesultanan. UMNO merupakan parti
politik yang tunggal di kawasan ini, iaitu sejak ia mula ditubuhkan selepas
Kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Di kawasan-kawasan yang lain
yang berhampiran dengan juga parti-parti pembangkang yang lain, seperti
PBB (Parti Sosialis Rakyat Malaysia), DAP (Demokratik Action Parti) atau
PAS (Parti Islam di Melayu) yang pada satu ketika merupakan parti
pembangkang orang-orang Melayu.

Parti yang diwakili adalah orang-orang Melayu yang telah lama
berkecimpung dalam arena politik UMNO. Hampir 70% daripada responden
responden yang diteliti juga adalah yang telah memegang aman politik yang
kini. Partis membina pada pengajaran kepada para-para pembangkang dalam

KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT MELAYU BANDARAN YANG BERPENDAPATAN RENDAH
DI PANTAI HALT, WILAYAH PERSEKUTUAN.

BAB I.

Pendahuluan:

1). Kenapa kajian ini mustahak dari segi sosiologi dan antropologi?

Kajian ini untuk meninjau dengan secara mendalam mengenai pemimpin-pemimpin politik dalam UMNO dan Pergerakan Belia 4 B; kedua-duanya di-Cawangan Pantai Halt, dan juga untuk mentelaah tentang kegiatan-kegiatan badan politik dan persatuan tersebut.

Oleh kerana UMNO merupakan parti politik yang mendokong kerajaan, dan sebagai sebuah parti yang masih mengamalkan asas-asas demokrasi maka sayogialah parti UMNO ini memainkan peranan penting dalam mencorakkan pembangunan negara keseluruhannya. UMNO merupakan parti politik yang tunggal dikawasan ini, iaitu sejak ia mula ditubuhkan selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Di kawasan-kawasan yang lain yang berhampiran kedapatan juga parti-parti pembangkang yang lain, seperti PSRM (Parti Sosialis Rakyat Malaysia), DAP (Demokratik Action Parti) atau PAS (Parti Islam Sa Malaya) yang pada satu ketika merupakan parti pembangkang orang-orang Melayu. S

Mereka yang dikaji adalah orang-orang Melayu yang telah lama berkecimpung dalam arina politik UMNO. Hampir 90% daripada responden-responden yang ditemu duga adalah yang telah mengenal arus politik masa kini. Mereka memberi penuh penghargaan kepada pucuk-pucuk pemimpin dalam

UMNO. Dalam 5 Pilihanraya yang telah berlepas mereka rata-rata memberi sokongan dan mengundi tokoh-tokoh UMNO atau Perikatan (Pilihanraya 1974 yang lalu mereka telah mengundi tokoh MIC, En. S. Subramaniam, MP bagi kawasan Damansara). Dan bagitulah pandangan dan sokongan mereka kepada UMNO, seolah-olahnya itulah caranya mereka dapat memberikan kesetiaan dan sokongan kepada Kerajaan, seperti pendapat K.J. Ratnam, "... every vote for the Alliance is the vote of loyal citizen". "... It was thus necessary for the voters to sling their differences because this was the only way in which they could show the rest of the world that they favoured the creation of Malaysia". (1)

Dalam espek pemimpinan ini sipengkaji akan juga menyentuh dalam hal-hal yang berikut, ia-itu huraian mengenai pengertian konsep pemimpinan, penentuan bagaimana pemimpin-pemimpin dipilih dan fakta-fakta yang mempengaruhi pemimpin. Kajian ini akan membentangkan tentang keperihalan kenapa organisasi tersebut tetap berkekalan; apa-apa espek yang menyebabkan ia berterusan dan kegiatan-kegiatan sosio-politik masyarakat tersebut untuk mengujudkan satu identiti politik dan ras dirantau ini.

(1). K.J. Ratnam: "The Malayan Parliamentary Election of 1964"

University of Malaya, K.L., 1960, Mukasurat III.

ii). Bidang Kajian dan Batasannya:

Dalam Bidang kajian ini sipengkaji hanya memberi tumpuan kepada kepimpinan-kepimpinan yang terdapat dalam UMNO dan Pergerakan Belia 4 B sahaja. Ini adalah disebabkan kerana hanya terdapat dua jenis organisasi ini sahaja yang wujud di Pantai Halt sejak kawasan ini mula diduduki.

Dalam mengutarakan kepimpinan UMNO, walaupun Pantai Halt ini merupakan satu kawasan yang mempunyai beberapa buah kampung-kampung yang kecil (ini akan diuraikan kemudian) tetapi kebanyakan persoalan yang berkaitan dengannya akan dipusatkan lebih di Kampung Tengah dan Kampung Kerjasama sahaja. Ini disebabkan segala pucuk-pucuk pemimpin dalam UMNO tinggal di kampung-kampung tersebut. Kenapa UMNO merupakan satu organisasi politik yang dominan selama 20 tahun adalah merupakan satu persoalan yang perlu diberi huraian yang lebih lanjut. Dari tinjauan yang telah dilakukan belum lagi ada menunjukkan apa-apa gejala-gejala akan tertubuhnya organisasi-organisasi politik yang lain selain daripada UMNO. Sejauhmana dan sampai bilakah UMNO akan kekal dan merupakan satu parti politik yang boleh memonopoli kawasan ini tidak sesiapa yang dapat membuat ramalan. Ini terpulanglah kepada keadaan dan sikap responden-responden serta pucuk-pucuk pemimpin dalam UMNO. Namun demikian perubahan dengan apa carapun mungkin akan berlaku jika UMNO tidak dapat berfungsi untuk menjaga kepentingan masyarakat ini di satu hari kelak.

Pergerakan Belia 4 B pula tidak kurang pentingnya dalam menghadapi masalah-masalah sosial di Pantai Halt. Walaupun ia

bukannya satu organisasi politik, seperti UMNO tetapi kebanyakan ahli-ahlinya adalah juga ahli-ahli UMNO Cawangan Pantai Halt itu juga. Apa yang sipengkaji ingin terapkan ialah ahli-ahli UMNO Cawangan Pantai Halt dan Pergerakan Belia 4 B Cawangan Pantai Halt mempunyai perjuangan yang serupa dan sama-sama berganding bahu untuk mencapai matalamat perjuangan mereka, iaitu untuk membaiki masaalah sosio-ekonomi masyarakat tersebut untuk faedah bersama.

Responden-responden yang ditemui dalam kajian ini bukanlah menyeluruh tetapi tumpuan hanya dilakukan kepada pucuk-pucuk pemimpin kedua-dua organisasi ini sahaja serta AJK-AJK yang dipimpinya. Dengan cara yang demikian sipengkaji dapat membuat satu tinjauan secara mendalam keatas struktur dan organisasi pergerakan-pergerakan tersebut.

B). Penyelidikan:

1). Metode Kajian:

Sebagai satu case-study pendekatan yang dibuat ialah dengan menggunakan daftar-daftar pertanyaan, temuduga, pemerhatian, dan penyelidikan di Kutub Khanah.

a). Daftar-daftar pertanyaan:

Melalui daftar-daftar pertanyaan 4 bahagian telah disediakan dalam kajian ini. Dalam bahagian pertama adalah meliputi tentang latarbelakang responden-responden. Tujuan ialah untuk mengetahui secara kasar latarbelakang mereka, keluarga mereka, ekonomi mereka serta tarikan mereka ketempat tersebut.

Dalam bahagian kedua pula untuk mengetahui serba ringkas tentang latarbelakang kampong asalnya. Bahagian ketiga disediakan dengan tujuan untuk mencungkil tentang latarbelakang sosio-ekonomi responden. Ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmana kegiatan-kegiatan responden menceburkan diri dalam politik, terutama dalam arena politik UMNO, samada pada masa sekarang atau pun pada masa-masa yang lampau. Bahagian akhir disediakan soalan-soalan untuk mengetahui sikap responden tentang Pertubuhan UMNO dikawasan mereka; tentang tokoh-tokoh politik yang ada pada masa sekarang; dan sejauhmana mereka telah memainkan peranan dalam memperjuangkan janji-janji yang telah mereka ikrarkan untuk kepentingan masyarakat seluruhnya. Begitu juga tentang Pergerakan 4 B.

b). Interview:

Dalam hal ini sepengkaji telah dapat menemui beberapa AJK-AJK dalam UMNO dan Pergerakan Belia 4 B - samada yang telah memegang jawatan bagi tahun-tahun 1977/78 ataupun pada tahun-tahun sebelumnya. Ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan data-data tentang sikap-sikap mereka terhadap pimpinan mereka; juga kedudukan atau stratiji pertubuhan-pertubuhan tersebut.

c). Pemerhatian:

Pemerhatian banyak dilakukan dalam bulan April dan Mei 1977. Masa kajian ini dilakukan **sepengkaji** telah memerhatikan serta mengambil gambar-gambar tentang berbagai-bagai kegiatan yang telah dijalankan oleh UMNO dan Pergerakan Belia 4 B di kawasan Pantai Halt. Kebetulan pada masa tersebut mesyuarat UMNO dan Pergerakan Belia 4 B diadakan.

Antara lain **sepengkaji** telah mengambil kesempatan untuk mengikuti

ektiviti-ektiviti pemesyuaratan, seperti:

i). MESYUARAT AGUNG UMNO CAWANGAN PANTAI HALT - diresmikan oleh Yang Berhormat Datuk Harun bin Haji Idris, S.P.S.M. Juga yang hadir ialah Pegawai Penerangan Bahagian Damansara.

ii). KURSUS DAKWAH ISLAMIAH - diresmikan oleh Yang Berhormat Haji Kamarudin bin Mat Isa, Timbalan Menteri Penerangan Malaysia. Secara kebetulan inilah kali yang pertama diadakan kursus seperti ini dikawasan Pantai Halt. Pergerakan Belia 4 B telah memainkan peranan penting untuk menjayakan kursus ini dalam daya usaha untuk mengembangkan syiar Islam.

iii). MESYUARAT AGUNG PERGERAKAN BELIA 4 B MALAYSIA BAHAGIAN KUALA LUMPUR - diresmikan oleh Yang Berhormat Haji Suhaimi bin Haji Kamarudin, selaku Presiden Belia 4 B Malaysia. Sekali lagi Pergerakan Belia 4 B Cawangan Pantai Halt telah berjaya untuk menjadi Tuan rumah mengendalikan mesyuarat tersebut yang dihadiri oleh 28 buah Cawangan tersebut.

iv). BERGOTONGROYONG - memungkah pasir di Kampong Railway Atas; membersihkan tanah wakaf di Kampong Pantai Dalam; membersihkan kawasan-kawasan disemua kampong serentak dengan kerjasama murid-murid Sekolah Menengah Shah Alam, dan lain-lain lagi.

d). Penyelidikan Kutub Khanah:

Dalam espek ini dimaksudkan untuk mendapatkan bahan-bahan kajian melalui bahan-bahan bertulis yang diterbitkan dan juga yang belum diterbitkan, termasuk meneliti-meneliti mesyuarat, penyata tahunan, risallah-risallah dan buku-buku. Tujuan ialah supaya dapat mengujudkan

satu kajian yang saintifik. Risalah-risalah dan buku-buku yang dirujuk bukan sahaja daripada "first-hand source" tetapi juga terdapat "second-hand source", walaupun untuk setakat memberi quotation-quotation daripada penulis-penulis yang terkenal.

ii) Kesulitan-kesulitan Yang Dihadapi:

Sipengkaji telah menemui beberapa masalah dalam menjalankan kajian ini. Selain daripada masa yang diberikan begitu singkat, maka terdapat juga beberapa kerumitan-kerumitan yang lain yang sering dihadapi. Antaranya ialah kesukaran sipengkaji untuk menemui responden-responden yang kebanyakannya bekerja dikilang-kilang dan pejabat-pejabat Kerajaan. Adakalanya sipengkaji membuat lawatan sebanyak 6 ke 7 kali untuk menemui salah seorang responden yang terpenting, seperti Setia Usaha UMNO yang mempunyai banyak tugas yang kemudian berkehendakkannya untuk meninggalkan rumahnya hingga lewat petang atau lewat malam. Antara tugas-tugasnya selain daripada Setia Usaha UMNO bertempat di Pantai Halt ialah menjadi Setia Usaha Biro Syarikat Serbaguna, Setia Usaha Mesjid, Setia Usaha Biro Kebajikan Sosial dan Kematian, Setia Usaha Biro Setinggalan dan Masalah Umum, selain daripada menjadi Setia Usaha kepada Persatuan Ibu-Bapa dan Guru-guru di Sekolah Kebangsaan Shah Alam di Petaling Jaya.

Responden-responden yang kebanyakannya bekerja jarang berada dirumah-rumah masing-masing diantara 7.00 pagi hingga pukul 5.00 petang, sedangkan dimasa-masa kelepasan pula selalu sahaja sipengkaji menemui cuaca buruk dengan hujan-hujan lebat.

Kebanyakan AJK-AJK Pergerakan Belia 4 B pula masih lagi bujang, kecuali Ketuanya yang sudah berumahtangga. Mereka jarang-jarang berada dirumah-rumah masing-masing kecuali dengan membuat "appointment" terlebih dahulu. Pada hari-hari kelepasan yang sering dianggap sebagai hari-hari yang paling "ideal" dan sesuai untuk bertemubual dengan responden-responden sebaliknya adalah merupakan hari-hari yang paling sibuk bagi mereka untuk menjalankan aktiviti-aktiviti sosial. Mereka menjalankan mesyuarat atau menjalankan aktiviti-aktiviti amal seperti bergotongroyong untuk membaiki jalanraya, mesjid, tanah perkuburan atau hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan atau pertunangan yang sering terjadi disana-sini. Akibatnya ada kalanya sipengkaji pernah melawat kerumah-rumah responden yang tertentu beberapa kali tanpa menemui mereka untuk ditemubual.

C). Masyarakat Melayu di Pantai Halt - satu tinjauan dari sudut geografi, sejarah dan sosio-ekonomi komuniti tersebut.

Kawasan Pantai Halt ini meliputi kampung-kampung setinggan dan kampung yang pada satu ketika bertaraf setinggan tetapi sekarang telah diberikan geran sementara (TOL), dan juga kampung-kampung asal yang telah sedia ada geran. Antara kampung-kampung yang meliputi kawasan Pantai Halt ialah Kampung Railway Atas, Kampung Selamat, Kampung Limau dan Kampung Railway Dalam (juga disebut Kampung Pasir Dalam) - kesemuanya adalah tanah-tanah setinggan: Kampung daripada tanah TOL (Temporary Occupational Land); dan Kampung Tengah dan Kampung Pantai Dalam daripada tanah-tanah geran.

Kawasan yang meliputi Pantai Halt ini terletak dibahagian belakang

RTM (Radio dan TV Malaysia) dan dipagari oleh kawasan-kawasan perumahan seperti Taman Goodwood, Taman Desa, Taman Siputeh, Taman Bukit Pantai, Taman Lucky (Bangsar), dan adalah berhampiran dengan tanah-tanah setingan yang lain, seperti Kampong Abdullah Hukum dan Kampong Paya. (Lihat Rajah Kawasan Perumahan). Pada tempat-tempat tertentu dikawasan ini dilalui oleh landasan-landasan keretapi dari stesyen Kuala Lumpur ke stesyen di Port Klang. Melalui pemerhatian yang telah dibuat didapati perkhidmatan keretapi ini juga dipergunakan oleh penghuni-penghuni disini bagi kemudahan mereka untuk bekerja ulangalik ke gudang-gudang di Petaling Jaya dan juga di Port Klang. Dari kawasan Pantai Halt kesatu stesyen di Petaling Jaya mereka cuma dikenakan tiket 20 sen sahaja, sedangkan dengan menaiki bas mini dikenakan 40 sen. Anak-anak gadis dan bujang yang ditemui memberi jawapan bahawa menaiki keretapi lebeh mudah, lebeh selesa dan lebeh singkat masa digunakan untuk perjalanan ulangalik ketempat-tempat bekerja dan kerumah-rumah masing-masing.

Tidak dapat dikatakan bahawa keseluruhan Pantai Halt adalah tanah rata. Ada juga terdapat tanah-tanah tinggi seperti keadaan di Kampong Railway Atas. Disini rumah-rumah didirikan dilereng-lereng bukit yang telah diratakan sedangkan dibahagian bawah lereng bukit itu terdapat landasan keretapi dari Kuala Lumpur ke Port Klang. Lain-lain kawasan boleh dikatakan mempunyai tanah rata.

Terdapat sebatang sungai, iaitu Sungai Klang, yang merentangi melalui Kampong Limau, Kampong Selamat dan Kampong Tengah. Kampong-kampong ini ada pada masa-masa yang tertentu didalam keadaan mencemaskan, terutama apabila air daripada sungai tersebut melepahi

tebing-tebingnya. Ini berlaku apabila hujan mulai turun dengan lebat dengan tidak berhenti-henti beberapa hari. Seperti keadaan pada waktu banjir besar di Tanah Melayu pada tahun 1971 yang lalu, maka kawasan-kawasan ini telah ditenggelami oleh air dari sungai tersebut. Walaupun bencana alam ini telah berlaku dan pada masa-masa yang lain diperengkat yang boleh dikawal tetapi bencana seperti ini tidaklah membimbangkan mereka. Apa yang membimbangkan mereka ialah tentang terkeluarnya berita dari pihak Kerajaan yang akan mengambil semula tanah-tanah tersebut untuk menjalankan projek loji najis secara besar-besaran untuk Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya. Inilah yang meresahkan kedudukan mereka. reaksi daripada mereka dapat dilihat apabila setiap kali sipengkaji membuat lawatan temuduga atau temubual, seolah-olahnya sipengkaji ini dianggap sebagai salah seorang pegawai Kerajaan dari Bandaraya. Keresahan ini ialah kerana mereka adalah daripada golongan miskin, dan mereka telah pun berpindah sebanyak dua kali dari tempat-tempat berhampiran sebelum datang ke Pantai Halt. Mereka tidak mampu untuk berpindah lagi apatah untuk memiliki satu unit rumah pangsa cara menyewa. Kebanyakan mereka tidak mempunyai keupayaan dari segi wang.

Bila dibuat satu tinjauan tentang perumahan (lihat Table I) didapati dari 484 unit rumah yang ada, 276 unit rumah atau 57% adalah hak milik sendiri, dan yang bakinya sebanyak 208 unit rumah atau 43% adalah rumah-rumah yang disewakan. Bilangan penghuni-penghuni yang menyewa adalah begitu ketara kerana kebanyakan daripadanya datang daripada negeri-negeri diluar kawasan Kuala Lumpur. Dari hasil tinjauan yang telah dibuat maka didapati bahawa kebanyakan daripada penduduknya

di Kampong Railway Atas datang dari Melaka; dari Kampong Pantai Dalam penduduknya datang dari Kelantan, Negri Sembilan, Kedah dan Trengganu; dan bagi Kampong Tengah dan Kampong Kerjasama keseluruhannya penduduknya adalah orang dari keturunan Sumatra - kebanyakannya ada mempunyai pertalian darah dengan Ketua Kampong Pantai Halt. Mereka memiliki rumah-rumah sendiri. Mengikut banci pada tahun 1976 dari Dewan Bandaraya (Lihat Table II) kawasan Pantai Halt ini mempunyai penduduk seramai 2,236 orang dengan bilangan orang-orang Melayu seramai 2,212 orang; orang Cina 1 orang dan orang India seramai 23 orang.

TABLE I

HAKMILIK

HAKMILIK	BILANGAN	PERATUS
Pemunya	276	57.0%
Penyewa	208	43.0%
	484	100.0%

SUMBER: Banci Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, 1976

TABLE II

PENDUDUK

BANGSA	JUMLAH PENDUDUK	PERATUS
Melayu	2212	98.93%
India	23	1.03%
Cina	1	0.04%
	2236	100.0%

SUMBER: Banci Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, 1976

Orang-orang bujang (lihat Table III) adalah melebihi bilangan orang-orang yang sudah berumahtangga. Daripada jumlah 2236 orang penduduk terdapat seramai 1375 orang (atau 61%) adalah bujang. Kebanyakan umurnya dibawah 25 tahun - samada yang masih dibangku sekolah, sedang bekerja atau yang masih menganggur. Dari jumlah yang sudah berumahtangga seramai 861 (atau 38.5%) orang didalam lingkungan umur 26-48 tahun. Bagi yang berumur lebeh daripada 48 tahun adalah terlalu sedikit bilangannya, dan mereka ini tidak bagitu giat atau berfungsi dalam sebarang kegiatan-kegiatan sosial di Pantai Halt. Bilangan bujang ini nampaknya makin merosot, memandangkan kebanyakan daripada mereka akan meninggalkan tempat-tempat tersebut apabila sudah berumahtangga. Ini ternyata benar dari kenyataan yang diberikan oleh

TABLE III

MARITAL STATUS

MARITAL STATUS	BILANGAN	PERATUS
Bujang	1375	61.5%
Kahwin	861	38.5%
	2236	100.0%

SUMBER: Banci Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, 1976

Ketua Pergerakan Belia 4 B Cawangan Pantai Halt dalam masaalah pertukaran ahli-ahli dan kekurangan bilangan ahli-ahli yang telah terdaftar dalam pergerakan tersebut.

Taraf hidup mereka adalah rendah. Masih terlalu ramai yang berpendapatan kurang daripada \$220.00 sebulan atau \$1,000.00 bagi setahun didalam negara Malaysia yang berpendapatan per kapitanya sudah melebihi \$1,000.00 sebulan. (Lihat table IV)

TABLE IV

PENDAPATAN PER KAPITA

JUMLAH PENDAPATAN	JUMLAH PENDUDUK	PER KAPITA BULANAN	PER KAPITA TAHUNAN
\$147,548.00	2236	\$65.99c	\$791.88c

SUMBER: Banci Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, 1976

Ini adalah disebabkan bahawa kebanyakan daripada penghuni-penghuni dikawasan Pantai Halt bekerja sebagai buruh kasar, budak pejabat, pemandu-pemandu teksi, penjaja-penjaja atau tidak bekerja atau masih menuntut lagi. Dari Table V di bawah ini kita dapat melihat cuma

TABLE V

PEKERJAAN

PEKERJAAN	BILANGAN	PERATUS
Bekerja	726	32.6%
Tidak bekerja	521	23.0%
Sekolah	437	19.6%
Lain-lain	552	24.8%
	2236	100.0%

SUMBER: Banci Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, 1976

seramai 726 orang (atau 32.6%) sahaja daripada 2236 orang penduduk yang sedang bekerja. Peratus yang bekerja ini adalah terlalu kecil, samada yang bekerja dipehak swasta mahupun dalam badan Kerajaan. Kebanyakan daripada mereka bekerja dari pukul 7.00 pagi hingga kepukul 3.00 petang pada hari-hari biasa. Ada diantara mereka yang bekerja mengikut geliran (shift). Kadang-kadang terpaksa juga bekerja pada hari-hari kelepasan umum untuk menambahkan pendapatan untuk menyara keluarga-keluarga masing-masing. Pendapatan rendah yang mereka dapati itu mungkin kerana taraf pelajaran yang rendah dan juga kerana mereka tidak mempunyai sebarang kemahiran (lihat Table VI di bawah ini)

TABLE VI

TINGKAT PERSEKOLAHAN PENCAPAIAN

TINGKAT PERSEKOLAHAN	BILANGAN	PERATUS
Darjah 1	46	12.8%
Darjah 2	40	11.3%
Darjah 3	43	12.0%
Darjah 4	49	13.7%
Darjah 5	36	10.0%
Tingkatan 1	31	8.7%
Tingkatan 2	30	8.5%
Tingkatan 3	31	8.7%
Tingkatan 4	10	2.8%
	357	100.0%

SUMBER: BANCI DEWAN BANDARAYA, KUALA LUMPUR 1976

Dengan berpandukan statistik diatas apa yang sangat ketara ialah kebanyakan daripada responden adalah yang hanya berjaya menghabiskan persekolahannya hingga ke Darjah 6 sahaja. Yang sampai ke Darjah 6 berjumlah 255 orang (atau 71.3%) daripada 357 responden-responden yang melalui tahap persekolahan sekolah Malayu. Dari Darjah 1 terdapat seramai 46 orang (atau 12.8%); untuk Darjah 2 terdapat seramai 40 Orang (11.3%); untuk Darjah 3 terdapat seramai 43 orang (atau 12.0%); bagi Darjah 4 terdapat seramai 49 orang (atau 13.7%); bagi Darjah 5 terdapat seramai 36 orang (atau 10.0%) dan bagi Darjah 6 terdapat seramai 41 orang (atau 11.5%). Kebanyakan dari mereka sudah berumahtangga dan memperolehi keluarga masing-masing. Bilangan yang dapat menghabiskan pelajaran hingga ke Tingkat 3 ialah seramai 92 orang daripada 357 responden, iaitu dengan kadar peratus 25.9%. Bagi yang berjaya untuk melanjutkan pelajarannya ke Tingkatan 4 hanya 18 orang (atau 2.8%) daripada 357 responden-responden. Ini adalah satu angka yang terlalu kecil. Perbezaan peratus diantara sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas telah memberikan satu gambaran kepada kita bahawa taraf pelajaran mereka telah mencorakkan taraf ekonomi mereka. Walaupun masing-masing bagitu ingin dan berhasrat besar untuk mempertarungkan diri untuk menyekolahkan anak-anak mereka, tetapi kedudukan ekonomi mereka telah menjejaskan segala keinginan dan kehendak mereka. Oleh yang demikian taraf pelajaran mereka telah membawa mereka kepada taraf ekonomi yang dihadapinya sekarang, iaitu mereka hanya layak untuk mendapatkan pekerjaan setakat taraf buruh sahaja. Dalam pada itu perlu juga diperkatakan ada juga golongan yang mempunyai kurang bilangan anak dan

berpendapatan yang agak lumayan sedikit. Golongan ini dimaksudkan guru-guru sekolah, kerani-kerani dibadan-badan swasta atau Kerajaan yang bertaraf pegawai. Golongan ini berkemampuan untuk memberi anak-anak mereka belajar di kelas-kelas tambahan disebelah petang atau malam. Sebagai contoh, Setia Usaha UMNO Cawangan Pantai Halt juga seorang guru (kerana beliau banyak melibatkan diri dalam pergerakan-pergerakan sosial di Pantai Halt) telah menghantarkan anak perempuannya untuk menerima tuition Darjah 5 tahun lepas, dan berjaya dalam keputusan untuk mendapat 5 A dalam semua mata pelajaran.

Walaupun dikawasan Pantai Halt terdapat ujudnya masyarakat pendatang daripada negeri-negeri lain di Tanah Melayu, seperti Melaka, Negri Sembilan, Kedah, Kelantan, Perak dan Trengganu yang mempunyai loghat pertuturan yang berlainan tetapi perhubungan antara satu isi rumah dengan satu isi rumah yang lain adalah rapat. Kalau ditinjau di dalam kajian-kajian yang dijalankan oleh Mc Ghee, A. Maulud Yusuf, Provincer, Adnan Maarof, Mahsun Haji Raib dan Bott E mengenai masyarakat Melayu kita akan didapati ujudnya satu "close-knit society" (2). Gejala-gejala sedemikian akan didapati juga dikawasan Pantai Halt, Wilayah Persekutuan.

Mengikut keterangan yang diberikan oleh Ketua Kampong, penduduk yang tertua sekali di Pantai Halt yang berasal dari Sumatra, "Pantai

(2) Mc Ghee, T.C.: "Malays in K. Lumpur: A Geographical Study of the process of Urbanization." University of Wellington, New Zealand, 1968

Halt" memberi pengertian kepada orang-orang Jawa diwasa itu sebagai "tempat perhentian" atau "tempat persinggahan". Oleh Sebab dikawasan itu dilalui oleh keretapi maka yang demikian ia dimaksudkan sebagai tempat persinggahan keretapi dari stesyen keretapi dari Kuala Lumpur ke Port Klang. Pada zaman dahulu oleh kerana perkhidmatan keretapi merupakan satu jenis perhubungan yang dianggap penting dan cepat diantara kedua-dua tempat itu, maka kawasan ini telah menjadi satu tempat perhentian bagi saudagar-saudagar dan pedagang-pedagang dari kawasan-kawasan yang berhampiran atau dari kawasan-kawasan pedalaman. Pantai Halt ini telah menjadi tempat persinggahan bagi memunggah barang-barang dan penumpang-penumpang yang hendak dibawa ke Kuala Lumpur ataupun ke Port Klang. Satu pekan kecil telah wujud pada masa itu.

Pantai Halt mula dibuka oleh orang-orang Sumatra pada tahun 1904, iaitu oleh datuk kepada Ketua Kampong sekarang. Kedatangan mereka ialah untuk membuka tanah-tanah baru. Ini mungkin disebabkan dari tarikan-tarikan saudara-saudara atau saudagar-saudagar yang pernah datang. Oleh sebab dimasa kedatangan mereka perkhidmatan keretapi telah pernah wujud, maka mereka telah datang kesini serta memunggah hasil-hasil dagangan ulangalik diantara kedua-dua tempat tersebut.

Perkhidmatan keretapi telah menjadi faktor yang penting bagi memajukan kawasan tersebut sambil menerima orang-orang luar atau imigran untuk membuka tanah baru. Pada masa itu sebahagian besar dari kawasan Pantai Halt ini diliputi oleh hutan belantara. Pada masa itu belum pernah wujud jalan-jalan tar, bekalan api letrik, air paip atau lain-lain kemudahan umum. Apa yang ada pada masa itu ialah rumah-rumah pondok

yang kecil dan lorong-lorong yang digunakan oleh kereta-kereta lembu.

Pada tahun 1905 diantara yang datang ke kawasan ini untuk membuka tanah ialah Datuk Empat Tatah. Secara kebetulan bapa saudaranya yang bernama PAKINOBI telah pun memperolehi sebidang tanah seluas 8 ekar. Dia datang bertujuan untuk menguruskan kebun bapa saudaranya yang pada masa itu menjadi penghulu. Pada masa itu harga satu ekar tanah ialah \$30.00.

Pada tahun 1920 Datuk Empat Tatah telah dilantik oleh residen Inggeris di Selangor sebagai Ketua Kampong. Pada tahun berikutnya beliau telah diberi tauliah tauliah atau sijil. Setakat ini beliau telah memperolehi seramai 8 orang anak daripada seorang isteri (sekarang masih hidup), dan seramai 57 orang cucu dan 56 orang cicit. Inilah yang menjadi kebanggaannya. Kawasan yang mula dibuka oleh beliau ialah di Kampong Tengah. Bagi sesiapa yang ingin membuat satu tinjauan di Kampong Tengah, maka ia akan dapati bahawa kebanyakan daripada rumah-rumah yang terdiri disitu adalah dimiliki oleh anak-anaknya, cucu-cucunya atau pun cicitnya. Antara satu rumah dengan satu rumah yang lain ada mempunyai kaitan hubungan kekerabatan - samada sebagai saudara dekat ataupun sebagai saudara yang jauh dengan Datuk Empat Tatah.

Walaupun buat masa kini tugas Ketua Kampong di Kawasan Pantai Halt dalam Wilayah Persekutuan ini amatlah terhad, tetapi sebelum Pantai Halt dimasukkan ke dalam Wilayah Persekutuan jawatannya itu

sangatlah berfungsi dan penting. Beliau diterima oleh penduduk-penduduk disana sebagai ketua politik, sebagai pentadbir dan sebagai pemungut cukai bagi melicinkan administrasi penjajahan Inggeris dan kemudian kerajaan Pusat. Dia menentukan corak perkampungan yang di ingininya - seolah-olah sebagai "community-leader". Sekarang jawatan itu tidak berfungsi lagi.



BAB 2

Bidang Teori dan Konsep:

i). Konsep Kepimpinan:

Dalam pemakaian sehari-hari istilah kepimpinan ini sering dipergunakan dalam makna yang bagitu longgar. Kenapa di interpretasikan sedemikian ialah kerana boleh dikatakan setiap kumpulan atau kelompok manusia dewasa ini dimana-mana mereka berada dan berinteraksi maka akan terdapatlah pemimpin. Pemimpin itu boleh jadi berfungsi secara langsung atau mahupun secara tidak langsung. Ini terpulanglah kepada apa yang ingin di interpretasikan atau di maksudkan selain daripada keadaan dan "message" yang ingin difahami. Sebagai contoh, kita boleh mengambil satu keluarga asas. Sayogianyalah didalamnya akan terdapat seorang pemimpin - mungkin sibapa, atau dalam hal-hal tertentu si ibu pula. Apatah lagi jika kita menghalakan pandangan diluar suasana kekeluargaan itu, seperti disesebuah kampung. Dalam situasi sedemikian maka kita akan dapati konsep kepimpinan itu lebeh "difuse" dan agak luas sedikit. Disini kita akan menemui dengan beberapa perwatakan yang mungkin dapat kita golongi sebagai pemimpin-pemimpin - mungkin mereka mewakili beberapa sektor dalam bidang sosial, ekonomi mahupun politik dan masing-masing mempunyai fungsi-fungsi tertentu. Dalam satu-satu kampung itu biasanya kita akan bertemu dengan seorang ketua kampung - mungkin beliau bertugas sebagai ketua politik; terdapat juga seorang imam yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang berkaitan dengan hal-hal keagamaan dan adat; bagitu juga dengan peranan guru besar yang menjadi

pemimpin disesebuah sekolah memimpin guru-guru, penolongnya dalam menjalankan dasar-dasar pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia, dan seterusnya hubungan guru-guru dengan murid-muridnya yang berusaha memimpin murid-muridnya supaya maju dalam pelajaran dan mengenal akan hal-hal yang berkaitan dengan kemasyarakatan. Selain daripada itu terdapat juga pemimpin-pemimpin didalam setiap perhubungan sosial, dan mereka tidak dapat menafikan kepentingannya dari segi menggerakkan jentera pentadbiran kegiatan-kegiatan kemasyarakatan orang ramai demi untuk mengejar sesuatu pembaharuan, kemajuan dan cita-cita yang membenakan.

Dengan yang demikian untuk memberi satu definasi kepimpinan yang agak menyeluruh mungkin merupakan satu perkara yang sukar untuk dimengertikan. Dan dalam hal ini marilah kita tinjau beberapa pengertian yang telah diberikan oleh beberapa orang pengarang barat terhadap maksud kepimpinan ini, walaupun maksudnya hampir sama. Disini sipengkaji mengutarakan pendapat-pendapat 3 orang pengarang untuk ditinjau dan dibuat sebagai bandingan kepada konsep-konsep tersebut.

Henry Pratt Fairchild telah memberi hujjah,

"..... The act of organizing and directing the interest and activities on a group of persons, associated in some projects or interprise, by a person who developes their co-operation, through securing and maintaining their more or less voluntary approval of the ends and methods

proposed and adopted in their association". (3)

Richard Schmidt pula memberi pendapat bahawa,

"..... The relation between an individual and a group built around some common interest and behaving in a manner directed or determined by him". (4)

C.A. Gibb memberi kenyataan bagini pula,

"..... the exercise of power or influence in social collectives, such as groups, organizations, communities or nations. This power maybe addresses to any or all of three very general and related functions: establishing the goals, proposes, or objectives of the collectivity; creating the structures through which the proposes of the collectivity is fulfilled; and maintaining or enhaucing this structures". (5)

-
- (3) Fairchild, Henry Pratt: (edt), "Dictionary of Sociology", New Jersey: Little Field Adams and Company, 1970, mukasurat 174.
- (4) Schmidt, Richard: "Leadership" dalam "Encyclopedia of Social Science", Vol. 9, New York: Mac Millan, 1933, mukasurat 282.
- (5) Gibb, C.A.; A.S. Tannenbaum., and Geligman, L.G.: "Leadership Psychological, Sosiological and Political Aspects", dalam "International Encyclopedia of Social Sciences" Vol. 9, New York: Mac Millan, 1972, mukasurat 101.

Kepimpinan ujung akibat dan hasil daripada interaksi sosial, samada untuk tujuan-tujuan bagi satu-satu kumpulan, organisasi dan juga masyarakat. Justeru terbentuknya kumpulan dan organisasi inilah maka akan lahirnya istilah "pemimpin" dan "pengikut" dalam apa-apa juga perengkat masyarakat yang bergerak dan dinamik. Dan lanjutan dari lahirnya seorang watak pemimpin itu maka pada kebiasaannya akan melakukan tugas-tugas yang tertentu demi untuk memenuhi segala kehendak-kehendak kumpulannya, juga pengikut-pengikut tersebut. Dalam suasana pertembungan ini sayugianyalah juga difahamkan bahawa tidak semestinyalah pemimpin itu sahaja yang mesti mempengaruhi pengikut-pengikutnya tetapi kadangkala terdapat juga satu keadaan yang sebaliknya dimana satu situasi telah wujud dimana pengikut-pengikutnya akan mempengaruhi pemimpin tersebut. Andaikata jika berlaku pula dimana seseorang pemimpin itu kurang berfungsi atau didapati ia telah menyeleweng dari tujuan murni kumpulan tersebut, maka pada kebiasaannya ia akan diturunkan dengan cara yang diharuskan mengikut perlembagaan institusinya, dan seterusnya tugas pemimpin itu akan bertukar tangan ketangan orang lain pula. (6) Ini adalah disebabkan dan sering dipertanggungjawabkan bahawa struktur, situasi, tugas-tugas dan kehendak-kehendak kumpulan pada kebiasaan akan memainkan peranan yang penting bagi menentukan atau mencerminkan ujudnya pemimpin-pemimpin serta

(6) David Koehn and Richard S. Crutchfield: "Individual in Society",

Kogakusha: Mac Graw Hill, 1962, mukasurat 462.

segala fungsi-fungsi yang seharusnya dijalankannya. Dan disebaliknya pula jawatan pemimpin tidak seharusnya dibolot atau dimonopoli oleh seseorang sahaja - ada kalanya kita akan dapati situasi-situasi dimana terdapat lebih daripada seorang pemimpin. Ini terpulanglah kepada kemampuan dan skop satu-satu institusi yang mengharapkan kepimpinan tetapi pada kebiasaannya kebanyakan organisasi mempunyai satu pucuk pimpinan. Dalam hal ini terpulanglah kepada saiz kumpulan, jenis kumpulan, tujuannya, keadaan atau situasi kumpulan itu dan juga tugas, fungsi serta kekuatan peribadi pemimpin itu sendiri. Dalam hal yang demikian kita boleh memberi satu garis kasar bahawa seseorang itu dapat dianggap mempunyai ciri-ciri kepimpinan serta berupaya dan mempunyai kebolehan mempengaruhi kumpulannya melalui beberapa kriteria, seperti berikut:-

- i). KEKUASAAN - Samada dalam politik, dalam Badan, dalam pertubuhan, dalam Persatuan, dalam Kerajaan mahupun dengan dapatnya penganugerahan kuasa yang dianggap sah atau "legitimate".
- ii). PENGARUH-PENGARUH - melalui kebolehan seperti peribadi, kekayaan, keturunan atau sifat charismatic yang diperolehinya.

Dan dalam melalui proses untuk mendapatkan atau mencapai matalamat kumpulan itu pada kebiasaannya antara lain tugas-tugas pemimpin adalah sebagai tenaga penggerak selain daripada membuat arahan, mengawal, menyusun serta mengetuai kumpulan tersebut.

Sebagai kesimpulan apa yang sering digambarkan atau di interpretasi-

kan oleh umum ialah kepimpinan itu terdapat dalam berbagai-bagai bentuk. Kenyataan ini dapat diketengahkan dan diakui sah seperti yang pernah dikatakan oleh MAX WEBER, antara lain katanya,

"..... The concept is extremely broad and comprises any kind of independent leadership in action". (7)

ii). Kepimpinan dalam UMNO:

Pertubuhan UMNO Cawangan Pantai Halt adalah salah satu daripada 26 buah cawangan-cawangan yang bernaung dibawah Bahagian Damansara. (lihat sinarai nama-nama cawangan UMNO Bahagian Damansara). Lain-lain cawangan yang terletak berhampiran dengannya ialah Cawangan Kampong Selamat, Cawangan Kampong Bukit C, Cawangan Kampong Limau dan Cawangan Kampong Pasir Kiri. Ada juga ura-ura kedengaran 2 buah cawangan lagi akan ditubuhkan, iaitu di Kampong Railway Atas dan di Kampong Kerjasama, tetapi setakat ini kedua-duanya masih bergabung dengan UMNO Cawangan Pantai Halt.

Pemilihan pemimpin-pemimpin dalam UMNO biasanya dilakukan apabila Mesyuarat Agung Tahunan dijalankan pada setiap tahun, sebelum pemilihan dibuat maka pada kebiasaannya setiap ahli-ahlinya akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat tersebut. Biasanya satu acara

(7). Max Weber: "Politics as a Vocation" dalam Alessandro Pizzorno (ed) "Political Sociology" Middlesex: Penguin Books Ltd., 1970, mukasurat 27.

yang gemilang diadakan untuk menyerikan upacara tersebut, seperti dengan mengadakan perbarisan dari ahli-ahli UMNO dan Pemuda UMNO, hiasan pokok-pokok manggar yang diarak oleh Wanita UMNO, serta dengan iringan kompang dari pasukan Pemuda UMNO. Beberapa orang pemimpin-pemimpin dari perengkat Bahagian dan juga dari perengkat Pusat akan dijemput untuk meresmikannya. Pada upacara Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan Pantai Halt yang baru lepas pada 27.3.77 bersamaan pada hari Ahad dan bertempat di Sekolah Ugama Pantai Halt, Yang Berhormat Datuk Harun bin Haji Idris, S.P.S.M., bekas Menteri Besar Selangor telah dijemput untuk meresmikannya. (Lihat gambar-gambar yang disertakan). Ketibaannya disambut dengan bunga manggar, satu perbarisan Pemuda UMNO dan diiringi dengan satu pasukan kompang yang ahli-ahlinya terdiri dari Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Belia 4 B Cawangan Pantai Halt.

Pertubuhan UMNO Cawangan Pantai Halt ini telah mula ditubuhkan sejak awal-awal lagi apabila Tanah Melayu mula mencapai kemerdekaan. Pada masa itu ahli-ahlinya tidaklah seramai seperti apa yang terdapat pada masa sekarang. Ini disebabkan pada masa itu masih lagi banyak kawasan yang masih lagi belum dibuka. Tidak terdapat apa-apa jalanraya daripada batu tar atau rumah-rumah yang rapat seperti yang terdapat pada masa sekarang. Kawasan-kawasan yang mula dibuka ialah di kawasan-kawasan di Kampong Tengah, Kampong Kerjasama dan disetengah-setengah tempat di Kampong Pantai Dalam. UMNO ditubuhkan untuk memberi sokongan kepada Kerajaan, apatah lagi diwasa itu orang-orang Melayu baharu sahaja menikmati kemerdekaan tanah airnya dari penjajah Inggeris. Lanjutan dari pencapaian kemerdekaan itu telah memberi semangat, telah

membuka mata dan telah mendorong penduduk-penduduk diwasa itu untuk menubuhkan satu cawangan yang berpusat di Damansara. Antara ahli-ahli yang bergiat diwasa itu adalah penduduk-penduduk yang telah lama tinggal dan menetap disitu.

UMNO ditubuhkan untuk memperjuangkan hak-hak orang-orang Melayu. Dengan tertubuhnya Cawangan ini maka sebanyak sedikit masyarakatnya telah dapat perlindungan dari segi tempat tinggal (8). Ini adalah salah satu yang mereka perjuangkan - untuk mengujudkan satu komuniti perkampungan Melayu disekitar perbandaran Kuala Lumpur. Dalam tahun 1967 umpamanya Majlis Bandaran Kuala Lumpur telah membuat beberapa tindakan untuk merobohkan beberapa buah rumah-rumah setinggan di Kampong Selamat dan Kampong Limau. UMNO Cawangan Pantai Halt telah bertindak untuk menemui Yang Berhormat Datuk Harun (pada masa itu bertugas sebagai Menteri Besar Selangor) untuk mengemukakan isue persetinggan di Kampong Selamat (pada masa itu ia masih bergabung dengan UMNO Cawangan Pantai Halt) dan di Kampong Limau. Mereka menemui kejayaan, dan segala arahan dari Majlis Bandaran Kuala Lumpur untuk merobohkan semua rumah-rumah di Kampong Selamat dan Kampong Limau telah dibatalkan. Kerana perjuangan UMNO untuk membela nasib-nasib orang-orang Melayu, maka sejak dari peristiwa itu maka bertambah ramailah penduduk-penduduknya mempunyai keyakinan tentang potensi UMNO untuk

(8) Hang Tuah bin Arshad: "Ilmu Politik", Donald Moore Press Ltd., Singapore, 1966, mukasurat 6.

berdiri dibelakang orang-orang Melayu. Justeru itu lebeh ramai lagilah yang telah mendaftarkan diri untuk menjadi ahli dalam persatuan tersebut.

Perjuangan UMNO bukan setakat itu sahaja. Di tahun-tahun yang kebelakangan ini di beberapa kawasan seperti Kampong Railway Atas, Kampong Selamat, Kampong Kerjasama, Kampong Limau dan Kampong Pasir Dalam telah mendapati bekalan air paip umum. Bagi Kampong Pantai Dalam, kerana ia mempunyai tanah geran, telah dapat bekalan air paip dan letrik hingga sampai ke rumah masing-masing. Sebuah mesjid telah di dirikan dengan bantuan Kerajaan sebanyak \$15,000.00 di Kampong Pantai Dalam. Bagitu juga sebuah sekolah Ugama telah di dirikan di Kampong Kerjasama dengan bantuan Kerajaan. Satu jalanraya batu tar telah di bena membentangi kawasan yang memisahkan Kampong Pantai Dalam dan Kampong Kerjasama.

UMNO juga telah dapat menolong orang-orang Melayu daripada di usir dari rumah panjang (diperbuat daripada papan) yang telah di dirikan oleh Kerajaan Negri Selangor. Walaupun tujuan sebenar ialah untuk menampung tempat tinggal bagi penduduk-penduduk yang terlibat dalam banjir pada tahun 1971, tetapi Kerajaan tidak bertindak secepat mungkin kerana perlu memproses permohonan-permohonan yang begitu banyak. Akibatnya yang lain-lain telah mengambil kesempatan untuk menduduki rumah-rumah tersebut. Walaupun pendudukan secara demikian adalah salah dari segi undang-undang dan mereka yang terlibat boleh di usir dan di hukum, tetapi sekali lagi UMNO telah dapat memperjuangkan nasib-

nasib orang Melayu yang terlibat itu. Mereka dapat tinggal di rumah-rumah tersebut hingga ke hari ini.

Sebagaimana yang telah di fahamkan oleh setiap ahli, UMNO masih mengamalkan demokrasi (9) dalam memilih parti, walaupun kadangkala ada di dapati sistem Otokrasi dalam pemilihan pemimpin-pemimpin oleh setengah-setengah ketua. Dalam pertubuhan UMNO terdapat susunan yang berbentuk hairaki, adanya undang-undang yang tetap dan penggunaan dokumen-dokumen yang bertulis. Segala yang dinyatakan di atas ini adalah bertujuan untuk melicinkan dan mempercepatkan jentera pentadbiran. Andaikata jika undang-undang dan dokumen-dokumen yang bertulis itu di tiadakan maka sudah semestinya akan berlaku satu situasi "disorder" di dalam setiap peringkat atau bahagian, samada ia akan berlaku di peringkat tertinggi di Pusat ataupun Bahagian dan apatah lagi di peringkat Cawangan yang mempunyai banyak ranting-rantingnya di seluruh Negara.

Peringkat Cawangan seperti yang terdapat di Pantai Halt adalah dapat di klasifikasikan sebagai Yunit pentadbiran yang paling kecil sekali jika di buat bandingan dalam satu organisasi yang paling besar,

(9) Lipset, Seymour Martin: dalam Eckstein and Apter A. David, "Comparative Politics," (ed), The Free Press of Glen Coe, Collier-Mac Millan Ltd., London, 1963, mukasurat 198.

ia-itu Pusat UMNO. Di antara Pusat dengan Cawangan ini terdapat juga perengkat-perengkat lain yang juga memainkan peranan penting, iaitu UMNO Bahagian dan Badan Perhubungan Negeri. Yunit Cawangan mempunyai peranan yang sangat penting dengan golongan rakyat biasa. Ia di katakan demikian kerana fungsi-fungsinya yang tertentu. Setiap usul yang di kemukakan mestilah di bawa ke Bahagian cawangan dahulu untuk di bincangkan. Jika usul tersebut merupakan satu-satu yang "relevant" bagi kepentingan ahli keseluruhannya maka ia akan di ajukan dan di bincangkan seterusnya di perengkat Bahagian dan seterusnya ke perengkat Pusat. Jika usul tersebut dapat penerimaan di perengkat Bahagian dan Pusat maka usul tersebut dapatlah di anggap menjadi dasar perjuangan parti.

Dalam yunit Cawangan ini AJKnya menganggotai pemimpin-pemimpin pertubuhan tersebut adalah seramai 15 orang dengan dua orang tambahan yang di lantik, sebagai pemereksa kira-kira. UMNO pada dasarnya mengamalkan sistem demokrasi dalam setiap pemilihan pemimpin-pemimpinnya dalam parti. Pada dasarnya ini memang di akui oleh setiap ahli tetapi dalam Cawangan UMNO Pantai Halt ini terdapat dua sifat yang bertentangan. Pada teorinya bercorak demokrasi di mana mesyuarat di adakan untuk mengambil sesuatu keputusan tetapi dalam pada itu terdapat juga sifat-sifat oligarki (oligarchy) di mana kekuasaan terletak dalam tangan beberapa orang individu, seperti apa yang di maksudkan oleh Duverger,

"..... In theory the principle of election should prevent the

formation of oligarchy, in fact, it seems rather to favour it". (10)

Sebenarnya untuk mengamalkan sistem demokrasi sepenuhnya amatlah sukar di peringkat Cawangan ini, kerana masih lagi kedapatan di mana hampir keseluruhan masyarakatnya di sana daripada golongan buruh, sedangkan demokrasi padanya adalah satu fenomena yang baru yang mereka belum faham. Dalam sistem pemilihan pemimpin-pemimpin di Cawangan Pantai Halt ini maka unsur-unsur oligarki ini telah merupakan satu batu penghalang terhadap mobiliti kepimpinan. Seseorang yang mempunyai kebolehan dan kelayakan untuk menjadi pemimpin mungkin tidak dapat peluang kerana terdapat halangan daripada golongan elite atau berpengaruh. Sebaliknya bagi mereka yang di sukai sering akan memegang sesuatu jawatan begitu lama.

Satu sifat yang dormant dan ketara pada UMNO di Cawangan Pantai Halt ialah dengan terdapatnya satu jalinan atau network yang rapat dalam pentadbiran organisasi tersebut. Jalinan yang rapat ini disebabkan wujudnya hubungan kekerabatan melalui perkahwinan. Jika kita tinjau dari rajah hubungan kekeluargaan dalam UMNO yang di sediakan kita akan dapati beberapa orang individu sahaja yang telah memonopoli beberapa portfolio dalam struktur pentadbiran UMNO Cawangan Pantai Halt. Mereka ini telah memegang jawatan-jawatan sebagai pegawai-pegawai tertentu sejak

(10) Duverger, Maurice: "Political Parties," Terjemahan Barbara and Robert North, Lowe and Brydone Printers Ltd., London, 1967, mukasurat 157.

UMNO mula di tubuhkan di kawasan ini. Mereka telah memegang pucuk-pucuk pimpinan dengan tujuan untuk mengekalkan kedudukan mereka sebagai satu force dalam jalinan "family network" itu. Oleh kerana kuasa pentadbiran UMNO di Cawangan Pantai Halt di pegangi oleh seseorang ketua atau pemimpin maka jawatan tersebut tidak pernah jatuh ketangan ahli-ahli di luar kekerabatan tersebut. Keadaan bagini berpanjangan hingga ke hari ini. Jawatan-jawatan seperti Pengerusi parti, Naib Pengerusinya, Setia Usahanya sering bertukar tangan di antara kekerabatan mereka sahaja.

Bagi sesiapa yang ingin membuat satu tinjauan tentang struktur sosio-politik dalam UMNO Cawangan Pantai Halt maka kita akan dapati orang yang paling berpengaruh sekali ialah Ketua Kampong. Beliau yang berasal dari Sumatra itu telah memegang jawatan Ketua UMNO dari tahun-tahun 1957 hinggalah ke tahun 1968. Untuk mengekalkan kedudukannya sebagai pucuk pemimpin itu maka beliau telah melantik anak buahnya sebagai Setia Usahanya supaya setiap rancangan UMNO yang akan di jalankan tidak bercanggah atau menemui jalan buntu. Pada masa itu lain-lain Cawangan di Pantai Halt, seperti Cawangan Kampong Selamat, Cawangan Kampong Limau atau Cawangan Bukit C yang berhampiran dengan Kampong Railway Atas belum ujud lagi. Oleh yang demikian kerana kampong-kampong yang di sebutkan di atas ini belum begitu ramai penduduknya, maka penduduknya pada sebilangan besarnya telah bercantum dengan Cawangan di Pantai Halt. Melalui satu "force" yang agak besar, maka Pengerusi UMNO telah menyusun stratijinya untuk bertindak sesuatu untuk kepentingan ahli-ahlinya. Satu kesan yang berjaya di perjuangkan oleh UMNO ketika itu ialah untuk

mendapatkan pemindahan title tanah di Kampong Kerjasama, iaitu dari tanah setingan ke tanah T.O.L. Ini berlaku pada tahun 1964.

Dalam tahun 1968 pula jawatan Pengerusi tersebut telah berganti tangan kepada anak buahnya itu, sedangkan jawatan Setia Usaha di sandang oleh anak cucu Ketua Kampong. Hubungan anak buah Ketua Kampong dengan cucu Ketua Kampong di kuatkan lagi melalui perkahwinan. Dengan lain perkataan, hubungan antara mertua dengan menantu. Jawatan Setia Usaha ini di sandangnya hinggalah sampai sekarang. Dalam jangkamasa antara 1968 hingga ke tahun 1975 jawatan Naib-Pengerusi beralih tangan kepada beberapa orang anak-anak buah Ketua Kampong. Antara tahun-tahun 1961 hingga ke tahun 1968 jawatan Setia Usaha telah di pegang oleh anak buah Ketua Kampong. Oleh kerana jawatan Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setia Usaha merupakan portfolio yang berpengaruh untuk menentukan mana-mana dasar parti yang akan di corakkan, maka jawatan-jawatan tersebut tetap berkekalan dalam "family-network" atau "family-circle" ini. Sejauhmana dan sampai bila mereka ini akan memainkan peranan yang penting dalam UMNO untuk menyambungkan identiti famili ini merupakan satu persoalan yang sukar untuk dijawab oleh mana-mana pemerhati. Ini terpulanglah kepada keupayaan pemimpin-pemimpin tersebut dalam memben-teraskan jentera politik UMNO di Cawangan Pantai Halt. Dalam hal ini cuma ahli-ahli UMNO, terutama daripada golongan kekerabatan Ketua Kampong serta penyokong-penyokong yang lain sahaja yang dapat menentukan bangun jatuhnya stratiji mereka sebagai pucuk-pucuk pemimpin. Satu jawatan lain yang juga tidak kurang pentingnya dalam jentera UMNO ialah jawatan Bendahari. Jawatan ini sejak 10 tahun yang kebelakangan

ini telah di pegang oleh salah seorang lagi anak buah Ketua Kampong. Jawatan ini di pegangnya dengan tujuan untuk menyenangkan pucuk-pucuk pemimpin dalam menghadapi masaalah perbelanjaan. Kerana beliau adalah salah seorang daripada "in-group" Ketua Kampong dan Setia Usaha maka segala rancangan-rancangan yang memerlukan wang tidak akan melalui sebarang tapisan. Satu contoh dari apa yang di perhatikan oleh si pengkaji ialah kadangkala urusan-urusan Bendahari ini di selesaikan oleh Setia Usaha sendiri.

iii). Kepimpinan dalam Pergerakan Belia 4 B:

Pergerakan Belia 4 B Cawangan Pantai Halt adalah merupakan satu organisasi yang masih muda lagi usianya. Ia mula di tubuhkan pada tahun 1974. Pergerakan ini adalah merupakan satu organisasi sosial yang di tubuhkan bukan untuk kepentingan seseorang individu. Ia di tubuhkan untuk kepentingan Belia dan Beliawanis khasnya, dan juga untuk kepentingan semua penduduk di kawasan ini amnya. Tujuan di tubuhkan adalah murni - untuk membimbing belia-belia dan beliawanis-beliawanis supaya di semaikan perasaan tanggungjawab pada dirinya dan juga kepada masyarakatnya. Ia juga di tubuhkan supaya golongan ini mempunyai disiplin mencintai kampongnya dan negaranya. Dengan mempunyai motto seperti demikian maka belia dan beliawanis akan dapat di hindarkan daripada melakukan atau menceburkan diri dalam sebarang kegiatan-kegiatan yang di anggap menyeleweng dari ketatasulaan masyarakat, seperti melakukan kecurian, merompak atau menjadi penghisap dadah.

Pergerakan Belia 4 B berganding bahu dengan Pergerakan Pemuda

UMNO, iaitu ranting kepada UMNO Cawangan Pantai Halt. Pergerakan ini tidak berbau politik. Oleh itu kebanyakan ahli-ahlinya yang telah mendaftarkan diri adalah dari golongan murid-murid sekolah dan pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan dan di firma-firma swasta.

Kerana usianya begitu muda, maka persatuan ini memerlukan wang supaya ia dapat bergerak dengan lancarnya. Dengan perasaan yang gigih dan penuh tanggungjawab, maka persatuan ini telah tidak ketinggalan dalam pergerakan-pergerakan sosialnya. Ini dapat di lakukan dengan setiap ahli-ahlinya membuat bayaran-bayaran setiap bulan bagi mengisi tabung kesatuannya. Setiap ahli dikenakan **sebanyak** 20 sen tiap-tiap bulan atau membuat bayaran sekali sebanyak \$2.00 bagi satu tahun. Dengan membuat perhitungan secara kasar dari ahlinya yang seramai 100 orang itu maka Persatuan ini hanya dapat mengumpulkan yuran sebanyak \$20.00 sebulan. Kerana kutipan ini terlalu kecil jumlahnya dan sangat sukar bagi Persatuan ini untuk bergerak jauh, maka pehak-pehak pemimpin telah menjalankan beberapa pergerakan sosial untuk memperkokohkan kedudukan tabung kewangannya.

Pergerakan Belia 4 B banyak mempunyai aktiviti-aktiviti yang berlainan sifatnya dari apa yang terdapat dalam UMNO Cawangan Pantai Halt. Satu daripada keistimewaan Persatuan ini ialah ia menumpukan kegiatan-kegiatan amal sahaja. Ini dapat di tinjau **dari** beberapa sumbangan gotongroyong yang di lakukannya di beberapa tempat berselerak di Pantai Halt. Dalam rancangan-rancangan gotongroyong, gerakerja-gerakerja

banyak di tumpukan kepada usaha-usaha untuk membaiki jalan-jalan di kawasan tersebut, membersihkan tanah wakaf selain daripada membersihkan semua kawasan di perkampungan tersebut. Sebagai contoh, pada 8.5.1977 yang baru lepas Pergerakan Belia 4 B dengan bantuan seramai 300 orang murid-murid dari sekolah menengah Shah Alam di bawah naungan Datuk Bandar Wilayah Persekutuan telah menjalankan kerja-kerja membersihkan kawasan-kawasan di perkampungan tersebut, selain dari mengangkut tanah untuk di tambak di kawasan-kawasan yang rendah yang selalu di takung air selepas hujan lebat. Jalanraya-jalanraya dan lorong-lorong juga di perbaiki. Gotongroyong ini mengambil masa setengah hari. Ia di jalankan serentak di semua kampung-kampung di kawasan tersebut. Tidak kurang dari 100 buah lori yang membawa pasir telah di hantarkan, iaitu satu bantuan dan kerjasama dari pihak Bandaraya dan Jabatan Kerjaraya. Penduduk-penduduk yang tidak bekerja pada hari tersebut telah keluar beramai-ramai bersama-sama melakukan kerja-kerja gotongroyong itu. Kerja-kerja untuk memperbaiki tanah perkuburan (wakaf) telah juga di jalankan pada 24.4.1977 dan kemudian di susuli sekali lagi pada 1.5.1977. Kedua-dua projek gotongroyong yang di sebutkan ini di lakukan dengan ehsan dan kerjasama dari Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Pantai Halt.

Bagi mempesatkan lagi aktiviti sosial di Pantai Halt, maka Pergerakan Belia 4 B telah juga berjaya untuk menguruskan PASAR MINGGU yang di adakan seminggu sekali di kawasan tersebut. Berbagai-bagai penjaja datang untuk menjual dagangan masing-masing untuk keperluan dapur serta pakaian-pakaian harian. Dengan adanya berbagai-bagai

jualan ini maka masyarakat di kawasan ini tidaklah payah lagi bersusah-payah untuk pergi ke pekan untuk membelibelah. Barang-barang yang di jual amatlah berpatutan harganya. Dari hasil jualan inilah maka tiap-tiap penjaja akan di kenakan cukai perniagaan. Cukai yang di kenakan itu bergantung atas besar atau kecilnya perniagaan yang mereka jalankan. Ada yang di kenakan sebanyak 30 sen, 40 sen, 50 sen dan ada juga yang di kenakan cukai perniagaan setinggi \$1.00 bagi jualan semalaman. Kutipan ini di lakukan apabila perniagaan berjalan dengan rancaknya, biasanya selepas pukul 8 malam. Hetong panjang kutipan bagi seminggu adalah di antara \$25.00 hingga \$40.00. Wang kutipan ini akan di masukkan ke dalam Tabung Pergerakan Belia 4 B untuk mengongkosi sebarang aktiviti sosial Persatuan tersebut. Mithalnya, pertandingan sepak takraw cara pusingan (league) antara beberapa buah Cawangan di Bahagian Damansara. Kadang-kadang wang dari tabung ini juga di gunakan untuk perlawanan jempunan bagi permainan bola tengkis atau bola sepak.

Pergerakan Belia 4 B tahun ini telah maju bergerak selangkah ke hadapan. Mulai tahun ini badan ini telah berjaya untuk mengadakan satu kursus, iaitu KURSUS DAKWAH ISLAMIAH bagi tujuan untuk mengembangkan lagi syiar Islam di kalangan penduduk remajanya. Kursus ini telah di resmikan oleh Yang Berhormat Haji Kamarudin bin Mat Isa, selaku Timbalan Menteri Penerangan Malaysia pada 24.4.1977 yang baru lalu. Kursus ini di adakan sehari sahaja, dari pagi hingga ke petang. Sambutan yang di berikan oleh ahli-ahli Pergerakan Belia 4 B dan juga ahli-ahli Pergerakan Pemuda UMNO di Pantai Halt amatlah memuaskan memandangkan

dari bilangan yang hadir di hari kursus tersebut. Ratio Belia dan Beliawanis yang menghadiri kursus tersebut boleh dikatakan sama banyaknya.

11. Dasar-Asas Statistik

... (The following text is extremely faint and largely illegible due to a large watermark and low contrast. It appears to be the beginning of a section on the foundations of statistics, mentioning concepts like data collection and analysis.)

(11) ...

BAB 3

Tadbiran dan Kepimpinan UMNO dan Pergerakan Belia 4 B:

i). Corak kepimpinan UMNO di Pantai Halt:

Biasanya seseorang yang akan di pilih sebagai pemimpin mestilah mempunyai ciri-ciri yang tertentu untuk mendapatkan satu tarikan atau kepercayaan daripada mereka yang akan mencalukannya. Tanpa sebarang sifat-sifat tertentu maka akibatnya susahlah bagi seseorang itu akan mendapat sebarang sokongan dari komunitinya. Apatah lagi jika seseorang itu mempunyai keinginan dan cita-cita untuk menjadi seseorang pemimpin untuk mewakili orang ramai. Tetapi apa yang sayugianya telah berlaku di Pantai Halt ialah setiap keputusan Mesyuarat Agung Tahunan UMNO pada kebiasaannya akan terdapat bahawa kebanyakan daripada ketua-ketua yang sedia ada itu akan terpilih semula. Ini berlaku bukanlah kerana mereka itu di sukai oleh majoriti ahli-ahlinya tetapi adalah di sebabkan bahawa ahli-ahlinya sendiri yang mempunyai fahaman sendiri yang mempunyai kurang kepercayaan terhadap muka-muka baru. Mengenai perkara seperti ini Duverger berkata:

"..... The masses are naturally conservative.....

They become attached to their old leaders

They are suspicious of new faces." (11)

(11) Duverger, Maurice: Ibid, mukasurat 151.

Setia Usaha. Beliau ini adalah cucu kepada Datuk 4 Tatah, selaku Ketua Kampong. Beliau adalah seorang guru sekolah kebangsaan. Keistimewaan yang ada padanya ialah bahawa beliau mempunyai pelajaran, teguh dari segi ekonomi, mempunyai hubungan rapat dengan Ketua Kampong dan tidak ketinggalan bahawa beliau mempunyai potensi untuk berpidato. Ia begitu petah bercakap dan mempunyai kenalan rapat dengan pucuk-pucuk pemimpin di peringkat Bahagian dan juga peringkat Pusat.

Imam Mesjid Jamik Pantai Halt juga ada mempunyai prestige. Beliau adalah anak buah kepada Ketua Kampong. Jawatan ini telah di sandang olehnya sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini. Begitu juga dengan Pengerusi UMNO yang kekal sekarang. Beliau adalah seorang pegawai Kerajaan. Selain dari mempunyai fahaman kekerabatan yang kuat, beliau adalah seorang yang cukup pandai berpidato walaupun kedudukan ekonominya tidaklah seteguh Setia Usaha UMNO yang ada sekarang. Setia Usaha UMNO sekarang mempunyai sebuah kereta baru dan baru-baru ini telah mendirikan sebuah rumah batu di Pantai Halt dengan harga \$45,000.00.

Ekonomi juga merupakan satu faktor yang masih di anggap penting di dalam pemilihan seseorang calon. Ini dapat di lihat di mana tiap-tiap responden yang telah di temubual adalah dari golongan yang berpendapatan yang stabil. Masing-masing mempunyai rumah-rumah sendiri, samada rumah kayu ataupun rumah batu. Dan setengah-setengah dari mereka pula adalah yang telah mendirikan beberapa buah rumah berkampir

Selain daripada faktor tersebut maka terdapat juga faktor-faktor yang lain yang boleh mempengaruhi pemilihan tersebut. Ini dapat di tinjau dari beberapa sudut. Seseorang itu dapat perhatian umum jika ia pandai berpidato; ia mempunyai ekonomi yang stabil; mempunyai pencapaian yang tinggi dari segi pelajaran; ia mempunyai kebolehan untuk memimpin atau sekurang-kurangnya ia ada mempunyai kaitan darah dengan pucuk pemimpin yang ada.

Dalam espek kepimpinan itu Ketua Kampong Cawangan Pantai Halt ialah seorang yang mempunyai prestige. Melalui temubual dengannya dan juga penduduk-penduduk yang bagitu rapat dengannya nyata sekali beliau adalah seorang yang sangat aktif dalam usahanya untuk memajukan kawasan di Pantai Halt ini. Beliau telah menjawat jawatan sebagai Ketua/ Pengerusi UMNO ini sejak dari tahun 1957 apabila Pertubuhan ini mula daftarkan. Jawatan tersebut di sandang oleh beliau hingga ke tahun 1968 - satu jangka masa yang agak lama sebagai teraju pertubuhan tersebut. Mulai pada tahun 1969 beliau menyerahkan jawatan sebagai pucuk pemimpin tersebut kepada anak buahnya hingga ke tahun 1975. Dalam masa 6 tahun ini beliau telah memegang jawatan sebagai Naib Pengerusi, kerana memandangkan keadaan kesihatannya tidak begitu baik. Walaupun beliau tidak lagi begitu aktif dalam pertubuhan UMNO tetapi ia masih mempunyai prestige dari pandangan umum. Dari tahun 1975 hinggalah sampai sekarang jawatan Pengerusi itu di pegang oleh seorang lagi anak buahnya.

Seorang lagi tokoh yang perlu di ketengahkan ialah jawatan

di buat daripada papan, dan ini di sewakan kemudian. Masing-masing pada masa kini bekerja dan mempunyai pendapatan yang tetap - ada yang bekerja dengan swasta dan ada juga yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan. Salah seorang daripada AJK, juga anak buah Ketua Kampong, masa kini mempunyai 4 buah rumah sewa berkembar di Kampong Kerjasama. Oleh sebab mereka ini mempunyai kedudukan ekonomi yang agak stabil maka dengan sebab itulah maka mereka ini seringkali mendapat perhatian dan sokongan dari ahli-ahli yang memilihnya.

Melalui tinjauan-tinjauan yang telah di buah di beberapa buah tempat di Pantai Halt baru-baru ini, maka sipengkaji telah dapat melihat beberapa aktiviti yang telah di jalankan yang berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik. Ini adalah lanjutan inisiatif oleh beberapa orang pemimpin yang mempunyai drive atau minat atau idea untuk memajukan taraf penduduk di kawasan tersebut. Sebagai contoh, pemimpin-pemimpin yang telah di lantik pada Mesyuarat Agung UMNO tahun lepas pada 22.2.1976 telah berusaha untuk mengadakan beberapa rancangan-rancangan bagi kepentingan ahli-ahli khasnya dan masyarakat kawasan tersebut amnya. Ada beberapa rancangan yang telah dilaksanakan dan ada juga yang belum di laksanakan. Usaha-usaha UMNO dan kegiatan-kegiatannya sepanjang tahun lepas dapat di tinjau dari beberapa buah BIRO yang telah mengambil peranan penting untuk menggerakkan jentera UMNO seluruhnya, seperti Biro Setinggalan dan Masaalah Umum, Biro Agama, Biro Kebajikan Sosial dan Kematian, Biro Penerangan, Biro Keselamatan dan Biro Syarikat Kerjasama Serbaguna.

a. Biro Setinggalan dan Masaalah Umum:

Dengan mengadakan beberapa jawatankuasa kecil, Biro ini telah membuat bancian dan pendaftaran penduduk yang tinggal tetap di Pantai Halt. Pendaftaran di buat dengan tidak membuat pemilihan pilih kasih. Samada penghuni itu adalah ahli dalam UMNO atau tidak pendaftaran telah pun di lakukan. Hasil dari bancian ini telah di kemukakan kepada BIRO PENYELARASAN SETINGGAN BAHAGIAN DAMANSARA.

Seperti tahun-tahun yang lepas, bekalan api dan air ke tiap-tiap rumah setinggalan masih belum di laksanakan. Ini tidak dapat di lakukan oleh Kerajaan kerana pehak Kerajaan (Dewan Bandaraya) telah pun mempunyai cadangan untuk mengambil semula segala tanah-tanah yang ada di Kampong Kerjasama dan kawasan-kawasan sekitarnya untuk membena sebuah loji najis yang besar (giant project) untuk menampung seluruh perumahan Wilayah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Biro ini telah berjaya untuk mendapatkan tanah bergeran dari pehak Kerajaan seluas 8 ekar untuk di jadikan padang permainan bola sepak. Apa yang mendukacitakan ialah hingga ke hari ini masih lagi belum boleh di gunakan kerana tanahnya tidak rata dan berpaya-paya di beberapa tempat. Rayuan kepada Kerajaan telah di buat sejak tahun 1973 lagi.

Dengan kerjasama Wakil Rakyat Damansara, S. Subramaniam, juga MP dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, maka Biro ini telah mendapat bantuan dari pehak Kementerian Kesihatan untuk membekalkan KERETA UBAT BERGERAK seminggu sekali pada tiap-tiap pagi Isnin.

Tujuan di adakan khidmat ini ialah untuk memberi rawatan dan memberi ubat-ubat kepada pesakit-pesakit supaya mereka tidak perlu bersusahpayah datang ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

b. Biro Agama:

Biro ini bekerjasama dengan Jawatankuasa Mesjid untuk mengadakan kelas-kelas agama bagi orang-orang dewasa. Kelas-kelas ini di jalankan selama 12 jam sebulan, di jalankan pada tiap-tiap hari Ahad, Selasa dan Jumaat mulai pukul 7.30 malam. Seorang guru agama di sediakan dengan di beri gaji saguhati.

Biro ini telah mengundang beberapa orang penceramah dari luar untuk memberi syarahan agama. Sejak awal tahun 1976 lagi hingga ke bulan Mac tahun ini (1977), Jawatankuasa Mesjid telah mengundang Tuan Imam Besar Mesjid Negara, Ustaz Hassan bin Salleh (Pensyarah UKM), Dr. Wan Husain bin Wan Azmi (Pensyarah UKM), Datuk Haji Asri bin Muda (Menteri Hasil Galian dan Penyelaras) dan Tuan Haji Yaacob (Kadhi Wilayah Persekutuan).

c. Biro Kebajikan Sosial dan Bantuan Kematian:

Antara ektiviti sosial yang telah di jalankan ialah gotongroyong membersihkan kawasan perkampungan di beberapa tempat dan tanah perkuburan. Biro ini berganding bahu dengan Pergerakan Belia 4 B, juga Pergerakan Pemuda UMNO. Kerja-kerja membersihkan dan membaiki jalanraya di lakukan di Kampong Limau, Kampong Kerjasama, Kampong Railway Atas dan juga Kampong Pantai Dalam. Gerakerja untuk membena jambatan ke tanah

perkuburan di biayai oleh Jawatankuasa Mesjid telah di lakukan pada bulan Oktober tahun lepas.

Terdapat seramai 150 orang ahli dalam Biro Bantuan Khairat Kematian. Kebanyakannya sudah berumahtangga dan memperolehi anak-anak yang sudah ke sekolah. Kebanyakannya adalah penduduk-penduduk tetap. Setakat ini wang yang telah terkumpul di tangan dan juga di dalam Bank Nasional berjumlah sebanyak \$1,827.30¢ (lihat Lampiran 1). Dalam sepanjang tahun 1976 Biro ini telah memberi dua bantuan kepada ahli-ahlinya yang mendapat kemalangan sebanyak \$70.00 tiap-tiap seorang (satu keluarga). Kerana memandangkan yang penduduknya di Pantai Halt kian bertambah, termasuk masyarakat pendatang (outsiders) maka Biro ini telah merayu kepada penduduk-penduduk yang belum mendaftarkan diri sebagai ahli supaya berbuat demikian, supaya bantuan-bantuan dapat di salurkan - satu cara untuk memperingankan beban si malang.

d. Biro Penerangan:

Pengerusi Biro ini telah berusaha dan bagitu rajin untuk memberi penerangan yang perlu kepada orang ramai tentang betapa pentingnya orang-orang Melayu patut bersatu di bawah bendera UMNO. Tujuan ialah untuk mengujudkan satu identiti masyarakat Melayu di kawasan perbandaran, yang sering menggambarkan masyarakat kosmopolitan. Sejak Pengerusi Biro ini memegang portfolio ini pada tahun lepas, maka beliau telah banyak meninggalkan kesan kepada penghuni di sini. Kesedaran di kalangan masyarakat Melayu supaya bersatu dan bekerjasama telah ternampak dari sambutan yang di tunjukkan

oleh penduduk-penduduk di sini. Dalam masa 8 bulan yang lepas, beliau telah berupaya untuk menambahkan pendaftaran ahli-ahlinya kepada 250 orang, (lihat lampiran II) sedangkan pada tahun lepas hanya 145 orang mengikut daftar yang sah.

Selain dari menjalankan kempen untuk menambahkan bilangan ahlinya dalam UMNO dan juga memberi penerangan tentang perkembangan organisasi tersebut, maka Biro ini juga telah menjemput orang ramai di hari lawatan Wakil Rakyatnya, S. Subramaniam ke kawasan ini. Hari lawatan itu ialah pada 21.12.76 bertempat di Mesjid Jamik Pantai Halt. Di hari perjumpaan tersebut, orang-orang ramai telah di beri kesempatan untuk mengemukakan sebarang masalah yang berkaitan dengan perkampungannya di Pantai Halt. Antara lain yang telah di ajukan kepada Yang Berhormat pada hari tersebut:

- i). Masalah pengambilan tanah oleh pihak Dewan Bandaraya.
- ii). Masalah bekalan api letrik di Kampong Kerjasama, di Kampong Tengah, di Kampong Pasir Dalam dan di kawasan sekitarnya.
- iii). Masalah bekalan air paip bagi semua penduduk-penduduk setingan.

Perkara-perkara di atas telah di catit supaya tindakan dapat di ambil oleh Yang Berhormat tersebut. Setakat ini belum lagi menerima apa-apa berita resmi dari pihak Kerajaan.

e). Biro Keselamatan:

Biro ini di tubuhkan dengan tujuan untuk menjaga keselamatan kampung-kampung di kawasan ini, terutama ancaman musuh negara. Satu tindakan Pengerusi Biro ini ialah dengan berjayanya beliau mengumpulkan seramai 100 orang ahli untuk menubuhkan sepuluh yunit RELA. (satu yunit mengandungi 10 orang). Pasukan RELA ini bertempat di Kampong Pantai Dalam. Satu istiadat untuk menyampaikan KAD KUASA telah di lakukan pada 21.1.1977 di Kampong tersebut. Setakat ini belum lagi di jalankan apa-apa tindakan atau inisiatif untuk mencari ahli-ahli di kampung-kampung yang lain untuk menambahkan yunit-yunit RELA yang sudah ada.

Tujuan di adakan Pasukan RELA ini ialah untuk bertindak sebagai "mata dan telinga" kepada Kerajaan. Ia juga bertujuan untuk menolong pasukan Polis dalam menjalankan rondaan di Kampong tersebut bagi mengawasi kejadian-kejadian seperti menghisap dadah dan mencuri yang menjadi-jadi di satu ketika dahulu. Dua orang pegawai Polis yang di dapati di Pantai Halt tidak mencukupi untuk membentaras segala perbuatan jenayah ini. Maka dengan ujudnya RELA maka sebanyak sedikit telah dapat meredakan gejala-gejala buruk tersebut. Punca kejayaan pertubuhan ini ialah kerana sambutan dan sokongan yang di berikan oleh penduduk tempatan itu.

f). Biro Syarikat Kerjasama Serbaguna:

Biro ini ialah syarikat jimat cermat. Ia bertujuan untuk memberi pertolongan (bantuan) kepada setiap ahli-ahlinya dalam bentuk

pinjaman yang dikenakan faedah. Tiap-tiap ahli di benarkan membuat pinjaman tidak melebihi dari \$300.00 dengan bersandarkan dua orang penjamin yang terdiri daripada ahli-ahli syarikat tersebut. Faedah sebanyak 1% di kenakan ke atas baki. Masa penjelasan pinjaman tidak terhad, setahun, dua tahun atau tiga tahun. Ahli-ahli di benarkan untuk meminjam beberapa kali yang ia suka asalkan pinjaman yang lama telah di selesaikan.

Biro ini mula di tubuhkan pada tahun 1970. Setakat ini syarikat ini telah mempunyai anggota/ahli seramai 75 orang, kebanyakannya adalah perempuan. Saham-saham sebanyak \$300.00 di untukkan kepada setiap ahli. Seorang ahli boleh membuat sebarang pembayaran, samada tunai, dua atau tiga kali pembayaran ataupun membuat bayaran bulanan sebanyak \$2.50 yang mesti di jelaskan dalam jangka masa 10 tahun.

Bagi kemudahan semua ahli, maka setakat ini Biro ini telah mengeluarkan pinjaman kepada tidak kurang dari 30 orang ahli. Setakat ini wang yang telah di carumkan ke dalam Bank Nasional ialah \$10,000.00, satu jumlah yang sudah agak besar. Sekarang ini Biro ini telah membuat beberapa rangka persiapan untuk menubuhkan sebuah kedai Syarikat Kerjasama untuk memberi kemudahan kepada ahli-ahlinya membeli barang-barang makanan dan pakaian secara kredit.

ii). Corak Kepimpinan Pergerakan Belia 4 B:

Pergerakan Belia 4 B mempunyai struktur kepimpinannya sendiri. Ia mengadakan Mesyuarat Agung berasingan dari UMNO dan Pergerakan

Pemuda UMNO. Tuap-tiap kali adalah di pilih dan di lantik untuk mengisi jawatan pegawai. Pemilihan di lakukan secara demokrasi. Pegawai pegawai yang di lantik biasanya mempunyai ciri-ciri kepimpinan, bertoleransi dan dedikasi yang tidak berbelah bagi. Sifat-sifat kerajinan, bekerjasama dan bertanggungjawab dialu-alukan. Biasanya pegawai-pegawai yang di lantik bertekad dengan semboyan Belia 4 B Malaysia, iaitu BERSATU, BEKERJA, BELAJAR dan BERKHIDMAT. (lihat lampiran III). Jika di dapati ada pegawai-pegawai yang menyeleweng maka dengan sendirinya ia akan di singkirkan ataupun tidak akan di lantik dalam Mesyuarat Agungnya yang akan datang. Ini adalah di sebabkan kerana pertubuhan ini tidak berbau politik atau hubungan darah di mana sebanyak sedikit, seperti dalam UMNO dapat penjaminan untuk seseorang itu dapat kekal di tampok pemimpin.

Pergerakan Belia 4 B Cawangan Pantai Halt mempunyai struktur pentadbirannya, sendiri. Ujudnya Pertubuhan ini adalah di atas kegigihan ketuanya serta penyokong-penyokongnya yang tidak mengenal penat dan lelah. Beliau bekerja di United Asian Banks, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur dengan gaji bulanan sebanyak \$525.00. Jumlah pendapatan ini cukup untuk menyarai familinya tanpa memerlukan mengambil kerja-kerja sampingan. Oleh itu beliau menumpukan masa lapangannya selepas 5 petang untuk menjalankan kerja-kerja amal bagi kepentingan persatuan ini. Beliau telah memegang jawatan ketua kesatuan ini sejak ia mula di tubuhkan pada tahun 1974 yang lepas.

Kepujian juga perlu di berikan kepada Setia Usaha dan Nain Setia

Usaha Kesatuan ini yang telah memberi kerjasama dengan Ketuanya dalam menghadapi setiap rancangan. Oleh sebab kesatuan ini tidak berbau politik dan tidak condong ke mana-mana pihak, maka tiap-tiap rancangan untuk kesatuannya untuk faedah ahli-ahlinya, seperti Kursus Dakwah Islamiah, Pasar Minggu, rancangan gotongroyong dan lain-lain lagi, tidak perlu melalui "red-rape" seperti mana yang di amalkan oleh UMNO. Pergerakan Pemuda UMNO selalu menghadapi masalah ini. Akibatnya kadangkala terdapat beberapa rancangan-rancangan Pergerakan Pemuda UMNO menemui jalan buntu akibat perbalahan pendapat-pendapat di antara pemimpin-pemimpin dalam UMNO. Sedangkan Pergerakan Belia 4 B adalah satu badan yang bebas. Ia tidak terikat kepada UMNO. Oleh itu senangnya AJK-AJK Pergerakan Belia 4 B merancang sebarang pergerakan sosial tanpa sekatan bagi kepentingan penduduk-penduduknya sekalian.

Pergerakan Belia 4 B ada juga menubuhkan beberapa badan Biro untuk kepentingan kemajuan masyarakatnya. Antara lain ialah Biro Sukan dan Kebudayaan, Biro Agama dan Majlis Perhubungan Masyarakat.

a). Biro Sukan dan Kebudayaan:

Antara beberapa buah Biro yang telah di tubuhkan maka Biro inilah yang telah berjalan dengan lancarnya, dan mendapat sambutan dari semua ahli serta sokongan dari pihak ibu-bapa masyarakat seluruhnya. Biro ini menubuhkan Pasukan Bola Sepak dan Pasukan Badminton; kedua-duanya bergabung dengan Pergerakan Pemuda UMNO. (Lihat lampiran IV & V). Ini disebabkan kedua-dua pergerakan ini mempunyai ahli-ahlinya yang kebetulan ~~menganggotai~~ kedua-dua pertubuhan tersebut. Masing-masing

ahli dalam kedua-dua pasukan ini telah menyumbangkan sebanyak \$1.00 seminggu untuk menjalankan latihan. Bagi Pasukan Sepak Takraw ia mempunyai 4 pasukan, termasuk satu pasukan simpanan. Pemain-pemainnya berlatih setiap petang selepas 5.30 petang. Bagi Pasukan Badminton, latihan-latihan di adakan pada 3 malam dalam satu minggu. Ia berpusat di Kampong Pantai Dalam. Pasukan Sepak Takraw berpusat di Kampong Kerjasama.

Setakat ini Biro ini telah mengadakan perlawanan pasukan Sepak Takraw secara pusingan (league) antara beberapa buah pasukan di daerah Kuala Lumpur. Pasukan ini pernah bermain di Kampong Pandan, Kampong Baru dan Kampong Gombak.

Biro ini juga dapat membuat persembahan tarian-tarian di salah sebuah hotel yang terkemuka di Kuala Lumpur. Tujuan untuk memperkenalkan kebudayaan Melayu kepada tetamu-tetamu luar negeri sempena lawatan Ketua Negara India baru-baru ini. Baru-baru ini Biro ini telah menghantarkan seorang ahlinya sebagai wakil Belia Asia ke Jepun, dan dua orang ahlinya ke Sarawak untuk mengetahui pertubuhan belia di kedua-dua negara tersebut.

b). Biro Agama:

Biro ini dapat merapatkan perhubungan dan kerjasama antara pemuda-pemudi di semua kampong di kawasan ini. Antaranya ialah dengan mengadakan Kelas Ugama perengkat awal. Kelas-kelas di adakan pada hari

Ahad sahaja, di bawah pimpinan Tuan Imam Mesjid Jamik Pantai Halt, Ustaz Haji Yusuf bin Tanda.

Biro ini juga mengadakan Majlis Maulud Nabi pada 5.3.1977. Beberapa pensyarah-pensyarah luar, terutama dari Universiti Kebangsaan Malaysia, telah di undang. Biro ini dapat sokongan moral dari Pergerakan Pemuda Umno dalam menguruskan hal-hal persiapan, makanan dan minuman.

Buat kali pertamanya Biro ini telah berjaya mengadakan KURSUS DAKWAH ISLAMIAH bertempat di Sekolah Ugama Pantai Halt pada 24.4.1977. Kursus ini mengambil masa satu hari. Kursus ini di resmikan oleh Timbalan Menteri Penerangan Malaysia. Kursus ini di adakan bertujuan untuk menyambut seruan Majlis Ugama Malaysia dalam mengembangkan syiar Islam di kawasan tersebut.

c). Biro Majlis Perhubungan Masyarakat:

Belia-beliawanis telah berjaya untuk menguruskan PASAR MINGGU di kawasan ini, Ia di adakan pada tiap-tiap hari minggu mulai pukul 5.00 petang jika cuaca baik. Kutipan cukai di kenakan kepada setiap perniagaan kecil atau besar. Kutipan di buat selepas pukul 8.30 malam. Dari kutipan yang di dapati akan di masukkan ke dalam Tabung Pergerakan Belia 4 B dengan tujuan untuk memperkokohkan tabung kewangannya. Dengan cara ini barulah Pergerakan ini dapat bergerak lebih lancar lagi.

Penjaja-penjaja yang di benarkan untuk menjalankan perniagaannya

ialah orang-orang Melayu sahaja. PASAR MINGGU ini berjaya untuk menarik penghuni-penghuni dari Kampong Bukit C, Kampong Paya dan Kampong Kerinci untuk datang membelibelah. Ini menyenangkan suri rumahtangga dan yang lain-lain untuk membeli bekalan dapur serta pakaian. Harga-harga yang di dapati adalah lebeh murah dari apa yang terdapat di kedai.

Biro ini telah menempuh satu sejarah yang baru bagi kebaikan Pergerakan Belia 4 B. Bukti dapat di lihat tentang kesanggupan pemimpin-pemimpinnya berani melangkah ke hadapan dalam bidang kepimpinan. Ini sebagai cabaran kepada golongan pemimpin-pemimpin UMNO yang sudah berumur bahawa mereka dari golongan remaja juga mempunyai potensi untuk menubuhkan satu persatuan. Sebagai contoh, pada 3.5.1977 Biro ini telah bertungkuslumus untuk menjayakan dan mengendalikan Mesyuarat Agung Belia 4 B Malaysia Bahagian Kuala Lumpur. Sebagai tuan rumah maka mesyuarat tersebut telah di adakan di Sekolah Uagama Pantai Halt. Mesyuarat tersebut di resmikan oleh Presiden Pergerakan Belia 4 B, Tuan Haji Suhaimi bin Haji Kamarudin. Antara yang serta turut di undang ialah Wakil Rakyat Setapak, Tuan Haji Idris bin Ibrahim selaku Penasihat Pergerakan Belia 4 B. Juga Pengerusi Gerakan Belia 4 B Malaysia Daerah Kuala Lumpur, dan Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan.

BAB 4

D. Rumusan:

Setelah mengetahui secara mendalam tentang Pergerakan UMNO dan juga Pergerakan Belia 4 B; setelah mengetahui juga tentang skop dan perjuangan yang mereka ingin disampaikan oleh tiap-tiap institusi itu; setelah kita mengetahui segala cabang-cabang kegiatan sosial yang mereka lancarkan; setelah mengetahui segala sifat-sifat luaran (satu bercerminkan politik dan satu lagi bukan); setelah juga kita mengetahui sebanyak sedikit tentang kepimpinan-kepimpinan kedua-dua institusi tersebut, maka sampailah sipengkaji membuat satu-satu kesimpulan tentang kedua-dua pertubuhan tersebut.

Satu kenyataan yang mesti di ketengahkan ialah tentang ramainya ahli-ahli yang terdapat dalam UMNO berbanding dengan Pergerakan Belia 4 B. Ini tidak dapat di nafikan kerana UMNO telah lama di tubuhkan, sedangkan Pergerakan Belia 4 B baru berusia dekat 4 tahun. Jika dahulu cuma kedapatan satu cawangan UMNO di Pantai Halt, maka kini sudah ujud 4 cawangan, iaitu di Kampong Limau, Kampong Selamat, Kampong Pantai Dalam dan satu lagi atas nama Cawangan Pantai Halt. Keramaian ahli ini juga di sebabkan oleh ramainya penduduk-penduduk yang datang dari luar untuk menetap di sini selain dari memikirkan betapa pentingnya mereka perlu bersatu untuk mengujudkan satu identiti komuniti Melayu di kawasan bandaran. Sebelum 1970 orang-orang Melayu di sini bersatu di bawah naungan atau payung UMNO Cawangan Pantai Halt, tetapi selepas tarikh tersebut mulalah di tubuhkan cawangan-cawangan yang disebutkan

di atas ini. Ini mempunyai dua maksud. Pertama, mereka keluar untuk menubuhkan Cawangan masing-masing kerana kepentingan mereka telah di ketepikan. Hak dan kepentingan mereka tidak lagi di perjuangkan, seolah-olah mereka tidak mempunyai mandat atau suara sebagai ahli. Harapan untuk menjadi pemimpin jauh sekali, kerana struktur pentadbiran di monopolikan oleh golongan "the in-group" yang bercorak kekerabatan. Apa yang di perjuangkan sekarang ialah untuk kepentingan sekelompok oportunis di Kampong Kerjasama yang bersungguh memperjuangkan supaya tanah TOL mereka tidak di ambil oleh Kerajaan. Masaalah persetinganan tidak di suarakan lagi. Jadi sebagai jalan selamat, maka mereka keluar untuk menubuhkan cawangan baru. Kedua, dengan banyaknya tertubuh Cawangan-cawangan UMNO di Pantai Halt ertinya memberi kesempatan kepada penduduk-penduduk untuk menjadi ahli. Mungkin dahulu mereka juga mempunyai niat untuk jadi ahli UMNO, tetapi setelah mengkaji dan meneliti struktur UMNO Cawangan Pantai Halt maka mereka menarik diri. Jika dalam UMNO Pantai Halt cuma terdapat hampir 400^{*} ahli sahaja, tetapi jika di campurkan ke empat Cawangan-Cawangan yang di sebut tadi telah mempunyai ahli lebih dari 1,000 orang ahli-ahli UMNO. Apa yang ingin di ketengahkan ialah makin banyak cawangan maka makin ramailah ahli-ahli yang akan di daftarkan, maka akan ramailah orang-orang Melayu bersatu.

* Berakhir 31.12.1976 cuma 250 orang ahli saja yang menjelaskan yuran, @ \$1.00 seorang. Lihat lampiran II.

Satu aoalan yang patut di ketengahkan ialah tentang sejauhmanakah kedua-dua pertubuhan ini berjaya dalam perjuangan mereka. Adakah "message" yang mereka sampaikan itu berkesan untuk kepentingan masyarakatnya? Kita tidak dapat nafikan bahawa UMNO pada asasnya telah mengujudkan satu "force" dalam komuniti Melayu di Pantai Halt bertujuan untuk menyokong Kerajaan, dan dengan adanya penyatuan ini maka rakyat di sini telah dapat menikmati sebanyak sedikit kemudahan-kemudahan yang di berikan oleh Kerajaan. Sebagai contoh di sepanjang jalan Kampong Limau, Kampong Railway Atas, Kampong Selamat dan Kampong Kerjasama telah di sediakan paip-paip umum. Jalan-jalanraya tar telah di adakan melalui Kampong Kerjasama dan Kampong Pantai Dalam. Bekalan api letrik dan paip air telah dimasukkan di kebanyakan rumah-rumah di Kampong Pantai Dalam. Tanpa penyatuan ini kita akan dapati penduduk-penduduk terutama di kawasan-kawasan setinggian akan di usir oleh Dewan Bandaraya. Kampong Selamat dapat di ambil sebagai contoh.

Pergerakan Belia 4 B boleh di katakan berjaya dalam menyampaikan "message" nya. Mereka dapat kumpulkan banyak tenaga remaja untuk berdiri di belakang UMNO, walaupun ia bukan berorientasikan politik. Tenaga mereka ini telah dapat membenteraskan gejala-gejala kejahatan, seperti penghisap candu dan mencuri. Masyarakat umumnya telah dapat menikmati segala kemudahan sosial yang di adakan melalui pertubuhan ini, seperti Klinik Kesihatan Bergerak, Pasar Minggu, Sukan, Sistem-sistem Gotongroyong dan Tayangan Wayang Gambar. Walaupun penduduknya tidak dapat menikmati segala kemudahan ini setiap hari, tetapi dengan ujudnya institusi-institusi tersebut maka ia telah dapat menggerakkan nadi

kawasan ini serta meringankan beban masyarakat umum dalam cara-cara yang tertentu.

Bagi UMNO perjuangannya tidak dapat di katakan berjaya pada keseluruhannya. Kejayaannya hanya pada bidang-bidang yang tertentu sahaja. Jika di dalam Pergerakan Belia 4 B hanya terdapat satu cawangan sahaja di Pantai Halt, tetapi pada UMNO pada masa kini telah ujud 4 cawangan. Ini menunjukkan adanya sikap tidak percaya terhadap pemimpin-pemimpin UMNO Cawangan Pantai Halt, hinggakan terdapat ahli-ahlinya telah keluar untuk masuk ke cawangan yang lain. Baru-baru ini hampir setengah dari ahli-ahlinya telah keluar untuk menubuhkan satu cawangan baru atas nama UMNO Cawangan Kampong Pasir Dalam, menggabungkan dua kampong iaitu Kampong Pantai Dalam dan Kampong Pasir Dalam. Sikap tidak percaya ini adalah kerana pucuk-pucuk pemimpinnya di monopoli oleh "the in-group" itu. Kita tidak dapat salahkan jika ramai lagi ahli keluar dari Cawangan tersebut. Pertubuhan UMNO ini juga tidak berupaya untuk memperjuangkan kehendak ahli-ahlinya di kawasan setingan, apatah lagi hubungan "face-to-face" jarang-jarang kedapatan di lakukan oleh pucuk-pucuk pemimpin. Jadi sambutan dari penduduk adalah berbelahbagi - ada yang menyokongnya dan ada yang membangkangnya. Kejayaannya yang dapat di lihat ialah mengekalkan kawasan penempatan masyarakat setingan, mendapatkan tanah TOL dan kemudahan api letrik dan paip air untuk setengah-setengah tempat.

Dalam masaalah kepimpinan juga terdapat kontroversi. Pemimpin-pemimpin dalam Pergerakan Belia 4 B mempunyai penuh dedikasi dan tidak

berbelahbagi dalam menjaga hati ahli-ahlinya, malah masyarakat seluruhnya. Galakan dari ibu-bapa sudah cukup untuk memberi nafas kepada sosio-ektivitinya. Bagi UMNO terdapat golongan "introvert" dan "extrovert" terhadap kepimpinan pemimpin-pemimpinnya. Ini mungkin sebanyak sedikit di sebabkan oleh pengaruh luar, kerana di masa-masa yang kebelakangan ini terdapat satu "in flow" golongan pendatang yang menempat di sini kerana "geographical mobility" dalam masaalah mencari pekerjaan.

Perbalahan dan konflik banyak berlaku dalam struktur organisasi UMNO. Konflik ini di sebabkan oleh sikap Ketua UMNO dalam memilih pegawai-pegawainya. Jawatan Ketua yang paling berpengaruh tidak pernah jatuh daripada keluarga Datuk Ketua Kampong, dan jawatan ini di sokong pula oleh kekerabatan yang lain seperti Setia Usahanya. Dalam Pergerakan Belia 4 B tidak terdapat unsur-unsur kekerabatan. Setiap mesyuarat tidak di jalankan secara ad hoc; keputusan yang di ambil adalah dari suara majoriti. Keputusan jawatan Setia Usaha yang di pegang oleh seorang guru itu tidak dapat persetujuan majoriti AJK-AJK yang di lantik, walaupun Ketua mempunyai "authority" (kuasa) yang tertentu yang di catitkan di dalam Perlembagaan UMNO untuk melantik Setia Usahanya. Langkah yang di lakukan oleh Ketua itu adalah tidak demokratik. "Muka-muka lama" yang bercita-cita untuk merebut jawatan tersebut tidak diberi kesempatan, maka percanggahan yang pernah ada telah menjadi bertambah kusut lagi. Mereka merasakan mereka di ketepikan. Bagi penduduk-penduduk di Kampong Railway Atas mereka telah mula membuka mata dalam menghadapi pertikaian yang ujud sekarang dalam

UMNO. Adakah mereka juga akan keluar mengikut langkah seperti Kampong Pantai Dalam? Cuma masa akan menentukan. Bagaimana halnya dengan UMNO? Ia akan terus ujud kerana mereka sudah established, akan kekal sebagai satu "political force".

Perbelanjaan

1.1.76 Baki wang ditangan	\$ 262.75	Bantuan 2 ahli	\$ 140.00
Di Bank	1,439.73	Agahati Bendahari	94.00
		Urusan Bendahari	2.00
		Beli rosak	5.00

SEKIAN

Kutipan ahli:

Januari	\$ 20.00			
Februari	22.60			
Mac	14.50			
April	12.60			
Mei	10.50			
Jun	10.50			
Julai	18.70			
Ogos	5.60			
September	20.20			
Oktober	11.70			
November	4.00			
December	53.60			
Jumlah	\$251.80	251.80	Baki wang akhir tahun:	
Paedah Bank bagi tahun 1975		94.00	Wang ditangan	273.55
			Wang di Bank	1,553.75
Jumlah semua	\$2,068.30			\$2,068.30

Pemeriksa Kira-Kira:

En. Abdullah bin A. Fahim

..... t.t.

En. Zahari bin Abidin

..... t.t.